

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**FAKTOR PENENTU NIAT TERHADAP PERKONGSIAN MAKLUMAT
MANGSA BANJIR RANTAU PANJANG, KELANTAN DARI
PERSPEKTIF TEORI KOGNITIF SOSIAL**

NURZAWANI BINTI MOHAMAD ZANI



UUM
Universiti Utara Malaysia

**SARJANA SAINS (TEKNOLOGI MAKLUMAT)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2015**



Awang Had Salleh
Graduate School
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

NURZAWANI MOHAMAD ZANI

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

SARJANA

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**“FAKTOR PENENTU NIAT TERHADAP PERKONGSIAN MAKLUMAT MANGSA BANJIR RANTAU
PANJANG, KELANTAN DARIPADA PERSPEKTIF TEORI KOGNITIF SOSIAL”**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : 16 Jun 2015.

That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: June 16, 2015.

Pengerusi Viva:
(Chairman for VIVA)

Assoc. Prof. Dr. Shafiz Affendi Mohd Yusof

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar:
(External Examiner)

Assoc. Prof. Dr. Azizah Abdul Rahman

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam:
(Internal Examiner)

Dr. Nafishah Othman

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyalia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Dr. Kamarul Faizal Hashim

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyalia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Dr. Mazida Ahmad

Tandatangan
(Signature)

Tarikh:

(Date) June 16, 2015

Kebenaran Mengguna

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengijazahan sarjana di Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan universiti mempamerkan sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibenarkan dengan kebenaran penyelia tesis atau Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penulis. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika terdapat sebarang rujukan ke atas tesis ini.

Kebenaran untuk menyalin dan menggunakan tesis ijazah sarjana ini sama ada secara keseluruhan ataupun sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui :



Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Art and Sciences
Universiti Utara Malaysia
UUM College of Art and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok Kedah

Abstrak

Perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir adalah penting kerana ia dapat membantu mangsa meredakan keadaan sementara menunggu bantuan tiba. Melalui perkongsian maklumat, ia dapat membantu mangsa menyelamatkan nyawa dan harta benda, meminimumkan kesan bencana, dan membina kembali keyakinan dalam diri mangsa. Walau perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir dianggap penting, masih terdapat kurang kajian yang dijalankan bagi mengkaji faktor penentu niat perkongsian maklumat terutamanya di kalangan mangsa bencana. Kajian ini menggunakan Teori kognitif sosial sebagai asas kepada pembentukan model konseptual kajian ini. Data untuk kajian ini dikumpul menggunakan teknik soal selidik. Responden bagi kajian terdiri daripada mangsa banjir yang terlibat di Rantau Panjang, Kelantan. Seramai 108 mangsa banjir telah menjawab soal selidik kajian. Smart PLS 3.0 telah digunakan sebagai perisian untuk menganalisa data. Dapatan kajian mendapati bahawa niat perkongsian mangsa banjir dipengaruhi secara positif oleh tiga faktor iaitu efikasi sendiri, sokongan sosial dan pengiktirafan sosial. Manakala terdapat satu faktor yang tidak mempengaruhi niat perkongsian maklumat mangsa banjir iaitu resiprokal. Secara teorinya, kajian ini menyumbang kepada kefahaman faktor-faktor penentu yang mempengaruhi niat perkongsian maklumat semasa berlaku bencana; serta ia juga melanjutkan penggunaan Teori kognitif sosial ke dalam konteks perkongsian maklumat semasa berlaku bencana. Manakala dari segi praktikal, kajian ini telah memberi beberapa cadangan pelaksanaan kepada pihak yang bertanggungjawab dalam meningkatkan perkongsian maklumat semasa bencana banjir. Kajian ini juga mencadangkan program-program kesedaran seperti ceramah, iklan, dan kempen bertujuan untuk mempromosikan tingkah laku perkongsian maklumat semasa banjir di kalangan masyarakat umum. Selain itu juga, kajian turut memberi cadangan agar maklumat yang dikongsi ini dapat dikumpul dan disimpan di dalam satu sistem pangkalan data bagi memudahkan pengurusan maklumat semasa bencana.

Kata Kunci : Pengurusan bencana, Banjir, Niat perkongsian maklumat, Efikasi sendiri, Hasil jangkaan, Teori kognitif sosial

Abstract

Information sharing is important to help reduce the uncertainty while waiting for rescue. Through information sharing it can help save lives and properties; minimize the effects of natural disaster; and help to rebuild victim's confidence. Despite the importance of information sharing, very few studies focused their attention towards understanding the factors that determine the intention to share information especially among flood victims. This research adopts Social cognitive theory as the underlying theory that builds up the conceptual model for this study. The data was collected using a survey technique. Flood victims from Rantau Panjang, Kelantan were selected as respondents. A total of 108 respondents responded to the questionnaire. Smart PLS 3.0 software was used to analyze the data. The research findings showed that information sharing intention among flood victim is influenced by three factors: self-efficacy, social support, and social recognition. Meanwhile reciprocity has been found not significant. Theoretically, this study contributes to the understanding of the determinants factors that influence information sharing intention among flood victims. It also extends the use of Social cognitive theory within the domain of information sharing during disaster. Practically, this study has outlined a number of recommendations to help promote information sharing behavior during disaster. This study proposed awareness programs such as lectures, advertisement, and campaigns to promotes information sharing among wider public. In addition, this study also suggested for a database development to store shared information in order to better facilitate disaster management.

Keywords: Disaster Management, Flood, Information Sharing Intention, Self Efficacy, Outcome Expectation, Social Cognitive Theory.

Penghargaan

Bismillahirrahmanirrahim

Pertama sekali, saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. di atas segala rahmatnya yang telah memberi saya inspirasi, kebijaksanaan, kekuatan dan kesabaran dalam menyempurnakan tesis ini.

Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penyelia-penyelia saya iaitu Dr. Kamarul Faizal Hashim dan Dr. Mazida Ahmad di atas segala masa yang berharga, ilmu dan nasihat yang tidak terkira, serta bimbingan dan dorongan yang sangat memberi motivasi. Tanpa bantuan mereka berdua, saya tidak akan dapat menyiapkan tesis ini.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada suami saya Abdul Hadi bin Azib di atas segala kesabaran, pertolongan dan kata-kata semangat yang sangat memberi makna. Ianya telah memberi kekuatan kepada saya sepanjang perjalanan pengajian ini. Terima kasih di atas keizinan yang telah diberikan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga turut di berikan kepada ibu bapa saya, Hj. Mohamad Zaini bin Hassan dan Hajah Ramlah bt. Ahmad di atas segala pengorbanan dan iringan doa yang sentiasa membakar semangat saya untuk terus berjuang dalam kehidupan ini. Tesis ini saya hadiahkan khas kepada mereka berdua.


Penghargaan turut diberikan kepada ibu bapa mertua, ahli keluarga dan rakan-rakan yang banyak membantu saya sepanjang pembelajaran saya. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Utara Malaysia dan semua yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Terima Kasih.

Isi kandungan

Kebenaran Mengguna	i
Abstrak.....	ii
Abstract.....	iii
Penghargaan.....	iv
Isi kandungan	v
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	ix
Senarai Lampiran.....	x
Senarai Singkatan.....	xi
BAB SATU PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.3 Penyataan Masalah.....	4
1.4 Signifikasi Kajian.....	6
1.5 Persoalan Kajian.....	8
1.6 Objektif Kajian.....	8
1.7 Hipotesis Kajian.....	8
1.8 Skop Kajian.....	9
1.9 Definisi Operasi	10
1.10 Kesimpulan Bab Satu.....	10
BAB DUA SOROTAN KAJIAN.....	12
2.1 Pengenalan	12
2.2 Perkongsian Maklumat.....	12
2.3 Perkongsian Maklumat dalam Pengurusan Bencana	16
2.3.1 Bencana di Malaysia	21
2.3.2 Jenis Maklumat yang dikongsi Semasa Bencana.....	24
2.4 Kajian Lampau Berkenaan Perkongsian Maklumat Semasa Bencana.....	26
2.5 Teori Penentu Niat	30
2.5.1 <i>Theory Reasoned Action</i>	31
2.5.2 <i>Theory of Planned Behavior</i>	33

2.5.3 Teori Kognitif Sosial.....	35
2.6 Model Kajian.....	43
2.7 Hipotesis Kajian.....	44
2.8 Kesimpulan Bab Dua.....	48
BAB TIGA METODOLOGI.....	49
3.1 Pengenalan.....	49
3.2 Metodologi Kajian.....	49
3.3 Proses Kajian.....	50
3.4 Pemboleh Ubah Kajian.....	53
3.5 Instrumen Pengukuran.....	53
3.5.1 Pembangunan Instrumen.....	54
3.5.2 Kesahan.....	56
3.5.3 Kajian Rintis.....	58
3.6 Pengumpulan Data.....	59
3.6.1 Responden Kajian.....	60
3.6.2 Format Soalan Soal Selidik.....	61
3.6.3 Reka bentuk Pensampelan.....	62
3.7 Analisis Data.....	62
3.8 Mengkaji Model Pengukuran dan Model Berstruktur di dalam PLS.....	63
3.8.1 Model Pengukuran.....	64
3.8.1.1 Ketekalan Dalaman (<i>Internal Consistency</i>).....	64
3.8.1.2 Kebolehpercayaan Penunjuk (<i>Indicator Reliability</i>).....	64
3.8.1.3 Kesahan Tumpu (<i>Convergent Validity</i>).....	65
3.8.1.4 Kesahan Diskriminan (<i>Discriminant validity</i>).....	65
3.8.2 Model Berstruktur.....	66
3.9 Kesimpulan Bab Tiga.....	67
BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN.....	69
4.1 Pengenalan.....	69
4.2 Kajian Akhir.....	69
4.2.1 Penyediaan Data.....	70
4.2.2 Statistik Demografik Responden.....	70


4.2.3 Dapatan Bagi Jenis Maklumat yang Dikongsi Ketika Berlaku Bencana...	72
4.3 Model Pengukuran	73
4.3.1 Ketekalan Dalaman (<i>Internal Consistency</i>)	73
4.3.2 Kebolehpercayaan Penunjuk (<i>Indicator Reliability</i>).....	75
4.3.3 Kesahan Tumpu (<i>Convergent Validity</i>)	75
4.3.4 Kesahan Diskriminan (<i>Discriminant Validity</i>)	75
4.4 Model Berstruktur	77
4.5 Hasil Keputusan Hipotesis	79
4.6 Kesimpulan Bab Empat.....	80
BAB LIMA PERBINCANGAN DAN RUMUSAN.....	82
5.1 Pengenalan	82
5.2 Perbincangan Hasil Kajian	82
5.3 Sumbangan Secara Teori.....	88
5.4 Sumbangan Secara Praktikal.....	89
5.5 Limitasi dan Cadangan Lanjutan Kajian.....	92
5.6 Rumusan Kajian.....	93
RUJUKAN	95



UUM
Universiti Utara Malaysia

Senarai Jadual

Jadual 1.1. Senarai hipotesis kajian	9
Jadual 1.2. Definisi operasi	10
Jadual 2.1. Sorotan kajian lampau berkenaan Teori kognitif sosial.....	39
Jadual 3.1. Senarai item-item pengukuran	54
Jadual 3.2. Kelebihan soal selidik.....	59
Jadual 3.3. Bilangan mangsa di daerah Rantau Panjang	60
Jadual 3.4. Ringkasan jenis kesahan dan panduan menilai model pengukuran	65
Jadual 3.5. Ringkasan jenis kesahan dan panduan menilai model berstruktur	67
Jadual 4.1. Senarai maklumat demografik.....	71
Jadual 4.2. Jenis maklumat yang Dikongsi Ketika Berlaku Bencana	73
Jadual 4.3. Senarai CR dan item loading	74
Jadual 4.4. Senarai AVE	75
Jadual 4.5. Muatan silang (cross loading).....	76
Jadual 4.6. Inter correlation matrik dan AVE square root values	77
Jadual 4.7. Path coefficient, t-statistik dan tahap signifikan bagi semua hipotesis.....	79
Jadual 4.8. Hasil keputusan hipotesis.....	79



Universiti Utara Malaysia

Senarai Rajah

Rajah 2.1. Proses perkongsian maklumat (diadaptasi dari Hendriks, 1999)	14
Rajah 2.2. Model Theory Reasoned Action (Fishbein dan Ajzen, 1975).	32
Rajah 2.3. Model Theory of Planned Behavior (Ajzen, 1988)	34
Rajah 2.4. Model Teori kognitif sosial (Bandura, 1986)	35
Rajah 2.5. Model Kajian	44
Rajah 3.1. Proses kajian	51
Rajah 4.1. Hasil keputusan bagi model berstruktur	78



UUM
Universiti Utara Malaysia

Senarai Lampiran

Lampiran A Soalan Kaji Selidik	114
Lampiran B Surat Permohonan Senarai Mangsa Banjir	116
Lampiran C Senarai Mangsa Bencana Banjir	118



Senarai Singkatan

AVE Average Variance Extracted

CA Cronbach Alpha

CR Composite Reliability


JKM Jabatan Kebajikan Masyarakat

PLS Partial Least Square

SEM Structural Equation Modeling

TPB Theory of Planned Behavior

TRA Theory Reasoned Action



BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sub topik pertama pada bab ini membincangkan berkenaan latar belakang kajian dalam memahami faktor penentu perkongsian maklumat semasa berlaku bencana. Kemudian, sub topik seterusnya menjelaskan berkenaan pernyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian. Ianya dapat memberi gambaran mengenai tujuan penyelidikan ini dijalankan. Sub topik seterusnya membincangkan berkenaan hipotesis kajian. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan bab ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Apabila berlaku bencana seperti banjir, pelbagai kesan yang akan dihadapi oleh mangsa bencana seperti kehilangan nyawa, kemusnahan harta benda, kecederaan dan jangkitan penyakit (Zhang, Zhou & Nunamaker, 2002). Pengurusan bencana secara sistematik haruslah dijalankan dalam usaha untuk meminimumkan kesan bencana. Merujuk kepada Ahmad Dahlan et al. (2013), pengurusan bencana adalah satu kaedah untuk mengurang atau mengawal potensi kerugian dan bahaya akibat bencana; dan memastikan bantuan segera dapat disalurkan kepada mangsa-mangsa bencana dalam usaha untuk mencapai pemulihan yang cepat dan berkesan.

Dalam usaha untuk menguruskan bencana, pengurusan maklumat dilihat sebagai satu kaedah yang dapat membantu agensi dalam menguruskan bencana. Melalui pengurusan maklumat, agensi dapat memperoleh maklumat berkaitan bencana; menganalisa maklumat yang dikumpulkan; membuat keputusan yang betul dari

maklumat yang dianalisis dan menjalankan rancangan tindakan bantuan berdasarkan maklumat yang lengkap. Pengurusan maklumat dapat membantu agensi meminimumkan kesan bencana, mengelakkan kerugian yang lebih besar serta dapat membina kembali keyakinan dalam diri mangsa untuk menghadapi kehidupan selepas bencana (Yates & Paquette, 2011). Selain itu, pengurusan maklumat juga dapat membantu meningkatkan kerjasama di kalangan agensi semasa membantu proses meminimumkan kesan bencana (Zhang et al., 2002). Oleh itu, pengurusan maklumat adalah penting semasa pengurusan bencana kerana ia dapat membantu agensi dengan menyediakan maklumat yang lengkap dan mudah dicapai (Sarji, Mahamood, Jasbir, Norrafidah & Abdul Rahim, 2014). Melalui pengurusan maklumat juga, ia dapat membantu agensi memberi bantuan dengan cara yang lebih berkesan kepada mangsa-mangsa semasa menghadapi bencana (Zhang et al., 2002).

Selain itu, perkongsian maklumat tidak terbatas kepada perkongsian maklumat di antara agensi sahaja. Perkongsian maklumat di antara mangsa dengan agensi juga adalah penting dalam usaha untuk agensi mengetahui keadaan sebenar bencana. Contoh perkongsian maklumat di antara mangsa dan agensi adalah seperti pelaporan berkenaan kerosakan harta benda; kehilangan ahli keluarga; dan keperluan bekalan asas seperti makanan, pakaian dan perubatan yang tidak mencukupi (Chatfield, Akbari, Mirzayi & Scholl, 2012; Majchrzak, Javernpaa & Hollingshead, 2007; Starbird, Palen, Hughes & Vieweg, 2010). Melalui maklumat sebegini ia dapat membantu agensi mengambil tindakan segera dalam usaha untuk membantu mangsa menghadapi bencana. Perkongsian maklumat semasa bencana adalah penting kerana ia dapat membantu agensi yang menguruskan bencana menjalankan tugas

menyelamat dan menyalurkan bantuan dengan berkesan (de la Torre, Dolinskaya & Smilowitz, 2012). Kegagalan agensi memperoleh maklumat daripada mangsa akan menyebabkan mangsa tidak mendapat bekalan dan bantuan yang secukupnya semasa berlaku bencana (Kaklauskas, Amarantunga & Haigh, 2009).

Selain daripada itu, perkongsian maklumat di kalangan mangsa juga adalah penting kerana ia dapat membantu mangsa mengawal kesan bencana (Lu & Yang, 2001). Perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir diperlukan kerana bantuan menyelamat dari agensi mungkin mengambil masa. Melalui perkongsian maklumat di kalangan mangsa, ianya dilihat dapat membantu mangsa menghadapi situasi bencana di samping menunggu bantuan dari agensi menyelamat. Pelbagai perkara positif yang dapat diperoleh apabila wujudnya niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa bencana. Contohnya, perkongsian maklumat di kalangan mangsa ini dapat membantu mangsa-mangsa mengetahui keadaan semasa bencana yang berlaku. Melalui maklumat tersebut mangsa bencana dapat mengambil langkah segera dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda (Zhang et al., 2002). Melalui adanya niat perkongsian maklumat ini juga dilihat dapat membantu para mangsa menerima sokongan emosi dan moral dalam menghilangkan rasa cemas dan tekanan dalam diri (Scaffidi, Myers & Shaw, 2007). Sehubungan dengan itu kajian ini ingin mengkaji berkenaan faktor penentu niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa bencana. Memahami niat perkongsian maklumat ini adalah sesuatu yang penting kerana melalui wujudnya niat perkongsian maklumat ini dapat menggalakkan mangsa-mangsa bencana untuk berkongsi maklumat di kalangan mereka bagi menghadapi krisis bencana. Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti

jenis maklumat yang dikongsi oleh mangsa bencana. Mengenal pasti jenis maklumat yang dikongsi oleh mangsa bencana ini adalah perlu kerana ianya dapat membantu pihak berwajib dalam mengetahui keperluan sebenar mangsa bencana. Contohnya, keperluan seperti keperluan asas (cth., makanan dan pakaian) dan pusat pemindahan (cth., dewan dan khemah) (de la Torre et al., 2012; Yi & Ozdamar, 2007).

1.3 Penyataan Masalah

Sorotan kajian lampau mendapati penyelidik dalam bidang pengurusan bencana telah memberi perhatian untuk mengkaji peranan pengurusan maklumat semasa berlaku bencana (Huang, Chan & Hyder, 2010; Janssen, Lee, Bhorasa & Cresswell, 2010; Mete & Zabinsky, 2010; Tsai & Chen, 2010; Tseng & Chen, 2012). Pengurusan maklumat dilihat sebagai penting dalam membantu bukan sahaja agensi penyelamat malahan mangsa supaya kesan dan akibat daripada bencana dapat dikurangkan. Pelbagai kajian telah dijalankan di antaranya kajian oleh Sobel dan Lesson (2007) yang mengkaji penggunaan pengurusan maklumat dalam menguruskan krisis bencana. Manakala kajian dari Zhang et al. (2002) telah mencadangkan satu rangka kerja pengurusan maklumat seperti perkongsian maklumat yang dapat membantu agensi membuat keputusan dalam usaha untuk menyelamatkan mangsa bencana.

Sejak kebelakangan ini, ramai penyelidik telah memfokuskan kepada peranan teknologi maklumat dalam menyokong aktiviti berkaitan pengurusan bencana (termasuklah aktiviti berkaitan perkongsian maklumat)(Chen & Sakamoto, 2014; Fajardo & Oppus, 2010; Lee, Bharosa, Yang, Janssen & Rao, 2011; Reddick, 2011; Quaritsch et al., 2010; Zook, Graham, Shelton & Gorman, 2010). Sebagai contoh

kajian lampau telah dilakukan untuk melihat bagaimana penggunaan media sosial dapat digunakan untuk membantu perkongsian maklumat semasa berlaku bencana (Chen & Sakamoto, 2014; Yates & Paquette, 2011). Kajian oleh Marincioni (2007) pula telah melihat apa peranan teknologi maklumat dalam membantu perkongsian maklumat semasa berlaku bencana. Seterusnya, kajian Lu dan Yang (2007) telah menilai bagaimana komuniti atas talian dapat membantu proses perkongsian maklumat semasa berlaku bencana.

Walaupun, kejayaan penggunaan sesuatu teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) untuk tujuan perkongsian maklumat adalah bergantung kepada niat penggunaannya untuk berkongsi maklumat (Jaeger et al., 2007; Paton & Jackson, 2002). Justeru, memahami apakah faktor yang mempengaruhi niat seseorang untuk berkongsi maklumat dapat membantu dalam penyediaan teknologi bersesuaian yang boleh menyokong aktiviti perkongsian maklumat. Sesuatu aplikasi ICT tidak akan dapat digunakan dengan baik sekiranya ia tidak memenuhi keperluan tingkah laku seseorang pengguna untuk berkongsi maklumat (Shklovski, Palen & Sutton, 2008b; Yates & Paquette, 2011). Justeru memahami faktor penentu yang akan mempengaruhi niat seseorang untuk berkongsi maklumat dapat membantu mempengaruhi penggunaan ICT untuk berkongsi maklumat terutamanya semasa banjir.

Selain itu juga, kajian ini turut memberi tumpuan dalam mengenal pasti jenis maklumat yang dikongsi oleh mangsa bencana. Memahami jenis maklumat ini penting kerana ianya dapat membantu agensi penyelamat untuk mengetahui keperluan sebenar yang diperlukan oleh mangsa sewaktu bencana dan seterusnya

bantuan dapat disalurkan kepada mangsa bencana ini. Malahan dalam mengenal pasti jenis maklumat yang dikongsi mangsa bencana ini dapat mewujudkan keperluan teknologi maklumat dari konteks pengurusan maklumat contohnya seperti sebuah sistem pangkalan data.

1.4 Signifikasi Kajian

Kajian ini mempunyai dua sumbangan yang penting dari sudut teori dan praktikal. Di mana secara teorinya, 1) kajian ini adalah menyumbang kepada kefahaman faktor-faktor yang mempengaruhi niat perkongsian maklumat semasa berlaku bencana. Teori kognitif sosial digunakan sebagai kerangka asas kajian dalam mengenal pasti faktor-faktor penentu perkongsian maklumat; 2) sumbangan kajian ini adalah untuk melanjutkan penggunaan teori kognitif sosial ke dalam konteks perkongsian maklumat semasa berlaku bencana. Ini adalah kerana teori ini sering digunakan secara meluas di pelbagai bidang seperti bidang kesihatan, pendidikan, pengurusan, sukan dan perniagaan (Annesi, Unruh, Marti, Gorjala & Tennant, 2011; Chen, Chang & Tseng, 2012; Denler, Wolters & Benzon, 2014; Ginis et al., 2011; Maziotta, Mummendey & Wright, 2011; Sheu et al., 2010). Namun masih kurang kajian yang menggunakan teori ini dalam menjelaskan faktor penentu niat perkongsian maklumat di dalam konteks pengurusan bencana; dan 3) kajian ini juga ingin mengkaji niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir di Malaysia. Kebanyakan kajian yang membincangkan berkenaan pengurusan bencana di Malaysia tidak memfokus kepada memahami niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir. Contohnya, kajian oleh Khalid, Anuar, Jalil dan Razani (2010) yang membincangkan berkenaan sistem pengurusan bencana

berkaitan sistem penyampaian bantuan oleh pihak berkuasa terhadap mangsa banjir di Malaysia. Oleh itu, kajian ini ingin memberi fokus dalam mengkaji berkenaan faktor penentu niat perkongsian maklumat agar ianya dapat memberi sedikit sebanyak input yang berkesan berkenaan faktor penentu niat perkongsian maklumat ini.

Dari segi praktikal, 1) kajian ini menyumbang kepada memberi cadangan yang dapat membantu dan memberi manfaat kepada pihak berwajib tentang bagaimana untuk meningkatkan niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir. 2) Selain itu, kajian ini juga menyumbang dalam memberi panduan kepada pihak berwajib dalam mengenal pasti apakah jenis maklumat yang dikongsi oleh mangsa bencana. Melalui maklumat yang dikenal pasti ini, kajian ini menyumbang dalam memberi cadangan kepada pihak berwajib untuk mengumpul maklumat yang dikongsi oleh mangsa bencana dan seterusnya direkodkan untuk dijadikan sebagai sebuah pangkalan data. Melalui wujudnya pangkalan data ini, dapat dijadikan sebagai sumber maklumat kepada pihak berwajib dalam menguruskan bencana. Selain itu juga, melalui maklumat yang dikenal pasti ini juga, kajian ini turut memberi cadangan bagi membangunkan satu rangka kerja pengurusan maklumat. Melalui rangka kerja pengurusan maklumat ini, ianya dapat membantu pihak berwajib dalam membuat keputusan bagi menjalankan aktiviti pengurusan bencana dengan lebih berkesan. Ringkasnya, mengkaji faktor penentu niat perkongsian maklumat ini penting dalam usaha untuk memastikan keberkesanan sesuatu sistem pengurusan maklumat.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir?
2. Sejauh manakah faktor-faktor yang dikenal pasti mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir?
3. Apakah jenis maklumat yang dikongsi oleh mangsa semasa bencana banjir?

1.6 Objektif Kajian

Berikut merupakan objektif kajian bagi kajian ini:

1. Untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir.
2. Untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir.
3. Untuk mengenal pasti jenis maklumat yang dikongsi oleh mangsa semasa bencana banjir.

1.7 Hipotesis Kajian

Jadual 1.1 menyenaraikan hipotesis bagi kajian ini. Penjelasan lanjut mengenai setiap hipotesis akan dibincangkan dengan lebih terperinci di dalam Bab Dua.

Jadual 1.1

Senarai hipotesis kajian

Hipotesis	
H1	Niat perkongsian maklumat adalah dipengaruhi secara positif oleh efikasi sendiri.
H2	Niat perkongsian maklumat adalah dipengaruhi secara positif oleh resiprokal.
H3	Niat perkongsian maklumat adalah dipengaruhi secara positif oleh sokongan sosial.
H4	Niat perkongsian maklumat adalah dipengaruhi secara positif oleh pengiktirafan sosial.

1.8 Skop Kajian

Skop kajian ini tertumpu kepada memahami faktor yang mempengaruhi niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir di Rantau Panjang, Kelantan. Mengikut statistik yang diperolehi dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyatakan bahawa dari tahun 2009 sehingga tahun 2013 terdapat sebanyak 2940 sehingga 3305 bilangan mangsa yang berdaftar di pusat pemindahan di sekitar Rantau Panjang. Kawasan ini dipilih kerana pihak JKM melaporkan bahawa diantara kawasan-kawasan yang dilanda banjir di Kelantan, ini adalah antara kawasan yang mempunyai maklumat yang lengkap tentang mangsa banjir yang terlibat. Maklumat lengkap ini penting bagi tujuan pengumpulan data. Selain itu juga, daripada maklumat yang dipaparkan di dada-dada akhbar dan laporan Jabatan Meteorologi mendapati kawasan Rantau Panjang ini adalah antara kawasan yang kerap dilanda banjir di Kelantan. Justeru, atas faktor yang dinyatakan diatas, kajian ini memilih mangsa-mangsa banjir di Rantau panjang sebagai sampel kajian ini.

1.9 Definisi Operasi

Berikut adalah definisi operasi yang digunakan untuk mentakrifkan setiap konstruk dalam kajian ini. Definisi adalah disenaraikan dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2

Definisi operasi

Konstruk	Definisi operasi
1. Efikasi sendiri (<i>self-efficacy</i>)	Kepercayaan dan keupayaan seseorang individu itu untuk melaksanakan sesuatu tindakan.
2. Resiprokal (<i>reciprocity</i>)	Kepercayaan seseorang individu untuk berkongsi maklumat dengan harapan permintaan maklumat darinya pada masa hadapan dapat dipenuhi.
3. Sokongan sosial (<i>social support</i>)	Sebuah perkongsian mesej lisan dan bukan lisan untuk meluahkan emosi, maklumat dan rujukan. Oleh itu sokongan sosial ini boleh membantu dalam mengurangkan rasa ragu dan rasa tidak pasti dalam diri seseorang.
4. Pengiktirafan sosial (<i>social recognition</i>)	Pengiktirafan sosial adalah penghargaan terhadap usaha dan bantuan yang telah diberikan oleh seseorang individu kepada individu lain.
5. Niat berkongsi maklumat (<i>Information sharing intention</i>)	Seseorang individu itu akan berkongsi maklumat untuk mencapai sesuatu objektif.

1.10 Kesimpulan Bab Satu

Bab ini membincangkan secara ringkas berkenaan penyelidikan ini. Pertama, bab ini memperkenalkan latar belakang kajian. Kemudian, pernyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian telah dibentangkan. Signifikansi kajian juga telah digariskan. Seterusnya, hipotesis kajian telah digambarkan. Bab berikutnya akan mengkaji berkenaan kajian literatur yang telah sedia ada dalam usaha untuk memberi

gambaran dan kefahaman yang lebih jelas berkenaan faktor perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir.



BAB DUA

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Objektif bab ini adalah untuk membincangkan mengenai sorotan kajian lampau yang berkaitan dengan kajian ini. Bab ini dibahagikan kepada enam sub topik iaitu: perkongsian maklumat; perkongsian maklumat di dalam pengurusan bencana; kajian lampau berkenaan perkongsian maklumat semasa bencana; teori penentu niat; model kajian dan hipotesis kajian. Bab ini akan diakhiri dengan kesimpulan bagi bab ini.

2.2 Perkongsian Maklumat

Perkongsian maklumat adalah sebuah proses di mana individu saling bertukar maklumat dalam usaha untuk menjana maklumat yang baharu (Hoof & Ridder, 2004; Lin, 2007). Proses penukaran maklumat ini bermaksud dua atau lebih individu saling memberi maklumat yang dimiliki di antara satu sama lain (Chiu, Hsu & Wang, 2006). Proses pertukaran maklumat antara individu ini boleh berlaku pada situasi semasa pertukaran maklumat itu terjadi atau boleh juga berlaku pada masa hadapan.

Kajian lampau juga mendefinisikan perkongsian maklumat sebagai satu tindakan seseorang individu menyebarkan maklumat yang dimilikinya kepada pihak lain (Ryu, Ho & Han, 2003). Penyebaran maklumat dapat dijelaskan sebagai sebuah proses pemberian maklumat yang berfaedah dari satu pihak kepada pihak yang lain (Liebowitz, 2001). Manakala, He-feng (2009) pula mendefinisikan bahawa perkongsian maklumat boleh difahami sebagai sebuah niat sukarela seseorang


individu kepada pihak lain dalam mencapai maklumat yang dimilikinya. niat sukarela dalam berkongsi maklumat ini dilihat sebagai sebuah niat yang ingin membantu individu lain melalui pemberian maklumat yang dimilikinya tanpa mengharapkan apa-apa balasan (Organ, 1988).

Seterusnya, berdasarkan kepada Hendriks (1999), perkongsian maklumat dapat ditakrifkan sebagai tindakan memberi maklumat kepada individu yang memerlukan maklumat. Ini adalah kerana keperluan maklumat bagi setiap individu adalah berbeza, oleh itu melalui perkongsian maklumat dapat membantu individu untuk memperoleh maklumat pada masa yang dikehendaki agar maklumat tersebut dapat digunakan secara berkesan serta tindakan dan keputusan dapat dicapai (Abdullah, 2000). Berdasarkan sorotan kajian yang telah dibincangkan, perkongsian maklumat dapat didefinisikan sebagai sebuah aktiviti penyampaian maklumat dari individu kepada individu yang lain; di mana melalui maklumat tersebut, ianya dapat memberi pelbagai faedah seperti dapat menghasilkan sebuah maklumat yang baru serta dapat membantu dalam memenuhi keperluan maklumat seseorang individu.

Proses perkongsian maklumat dapat berlaku antara pemilik maklumat dan penerima maklumat. Pemilik maklumat adalah merupakan individu yang akan memberi maklumat manakala penerima maklumat adalah individu yang akan memperoleh/menerima maklumat (Hendriks, 1999). Terdapat pelbagai peringkat perkongsian maklumat iaitu perkongsian maklumat antara individu; individu kepada kumpulan; kumpulan kepada individu; dan antara kumpulan (Wagner, 2004). Rajah 2.1 menjelaskan tentang proses perkongsian maklumat. Proses perkongsian maklumat ini bermula apabila pemilik maklumat menyampaikan maklumat yang

dimiliki kepada pihak penerima. Seterusnya, apabila pihak penerima memperoleh maklumat, penerima maklumat akan menggunakannya atau membina semula maklumat tersebut (Davenport & Prusak, 1998). Proses perkongsian maklumat ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk antaranya komunikasi (cth., perbincangan dan ucapan); pemerhatian terhadap tindakan dan gerak geri pemilik maklumat (cth., lakonan dan pendengaran); dan perkongsian maklumat melalui dokumen bertulis atau melalui pembacaan seperti buku, memo atau e-mel (Hendriks, 1999).

Rajah 2.1. Proses perkongsian maklumat (diadaptasi dari Hendriks, 1999)



Perkongsian maklumat adalah merupakan salah satu proses penting dalam membantu individu atau kumpulan untuk membuat keputusan bagi menyelesaikan masalah; mencipta sesuatu maklumat yang baharu; dan juga untuk mencapai sesuatu matlamat (Lawson, Peterson, Cousins & Handfield, 2009; Takeishi, 2001). Berdasarkan kepada Lin (2007), apabila seseorang individu atau sesebuah kumpulan itu mempunyai niat untuk saling bertukar maklumat, sumber-sumber maklumat yang diperoleh dapat digunakan sepenuhnya. Melalui niat saling bertukar maklumat ini dapat meningkatkan penguasaan maklumat dalam diri setiap individu, dan juga dapat meningkatkan keupayaan seseorang itu dalam aktiviti perkongsian maklumat (Lin, 2010; O'Donovan, 2002).

Sorotan kajian lampau menunjukkan bahawa perkongsian maklumat ini telah dikaji di pelbagai bidang seperti organisasi, teknologi maklumat dan pengurusan (Chen & Hung, 2010; Choi, Lee & Yoo, 2010; Foss, Husted & Michailova, 2010; Holste & Fields, 2010; Wang & Noe, 2010); dan sejak kebelakangan ini, terdapat peningkatan terhadap minat penyelidik untuk mengkaji topik berkenaan perkongsian maklumat sewaktu berlaku bencana (Scaffidi et al., 2007; Shklovski, Buerke, Kiesler & Kraut, 2008a). Contohnya, bencana ribut taufan Katrina yang berlaku pada September 2005. Penyelidik telah menilai peranan telefon dan internet yang digunakan sebagai sebuah medium perantaraan oleh masyarakat untuk berkongsi maklumat berkenaan bencana (Shklovski et al, 2008a). Manakala kejadian bencana yang telah terjadi pada 11 September 2001, iaitu serangan kepada bandar Washington dan bandar New York, penyelidik telah membincangkan berkenaan kesedaran masyarakat untuk saling berkongsi maklumat dalam usaha untuk memberi sokongan emosi kepada mangsa bencana (Scaffidi et al., 2007).

Niat perkongsian maklumat ini adalah penting kepada mangsa kerana semasa berlaku bencana, mangsa akan cuba untuk mencari sebanyak mana maklumat yang ada (Mileti & Darlington, 1997) dan seterusnya berkongsi maklumat yang diperoleh dalam usaha untuk menghadapi kesan bencana (Lu & Yang, 2011). Melalui perkongsian maklumat ini, ianya dapat membantu mangsa dalam memenuhi pelbagai keperluan seperti makanan, tempat tinggal, dan bantuan kesihatan (Sobbel & Lesson, 2007). Selain itu juga, melalui perkongsian maklumat ianya dapat membantu mangsa bencana bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda (Zhang et al., 2002). Ringkasnya, memahami niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa adalah

penting dalam usaha untuk memberi galakkan kepada mangsa untuk berkongsi maklumat bagi menghadapi situasi bencana di samping menunggu bantuan dari agensi penyelamat.

2.3 Perkongsian Maklumat dalam Pengurusan Bencana

Perkongsian maklumat semasa bencana perlu diurus secara sistematik agar tindakan dan bantuan dapat disalurkan dengan tepat dan cekap. Merujuk kepada *United Nations Disaster Assessment and Coordination* (2013), perkongsian maklumat semasa bencana adalah penting kerana ia dapat membantu pihak yang terlibat dengan aktiviti menyelamatkan dalam menyelaraskan maklumat sesama mereka. Dalam usaha untuk mengurangkan kesan bencana, perkongsian maklumat di antara agensi penyelamat dilihat dapat membantu mereka menjalankan tindakan susulan bagi membendung masalah bencana.

Apabila berlaku bencana, setiap agensi penyelamat mempunyai maklumat yang berbeza. Contohnya seperti maklumat kawasan bencana; maklumat mangsa bencana; dan maklumat keadaan bencana (Kaklauskas et al., 2009; Zhang et al., 2002). Oleh itu, maklumat yang dimiliki oleh setiap agensi dilihat sebagai sumber maklumat yang penting. Melalui aktiviti perkongsian maklumat, agensi penyelamat akan mengumpul serta menganalisa maklumat yang dikongsi dan seterusnya diterjemahkan dalam pelan tindakan bantuan yang sesuai bagi menjalankan tindakan bantuan kepada mangsa (Zhang et al., 2002). Melalui maklumat yang dikumpul ini dapat dijadikan oleh setiap agensi sebagai pangkalan data bagi setiap maklumat; sumber maklumat bagi orang awam dan mangsa bencana; dan sebagai sebuah pusat

maklumat untuk menguruskan tindak balas bencana. Tambahan pula, menurut Mistilis dan Seldon (2006), perkongsian maklumat di antara agensi dilihat dapat berfungsi sebagai satu sumber yang boleh mewujudkan maklumat yang baru dalam menghadapi krisis bencana. Oleh yang demikian, dengan wujudnya satu maklumat yang baru ini, ianya dapat memberi satu cara kerja yang baru kepada agensi-agensi dalam usaha untuk menangani masalah bencana. Pelbagai perkara positif yang dapat diperoleh melalui aktiviti perkongsian maklumat di antara agensi ini. Contohnya seperti meminimumkan kesan bencana; mengawal kerosakan harta benda; dan memberi cukup bekalan makanan dan pakaian kepada mangsa (Yates & Paquette, 2011).

Selain itu, perkongsian maklumat di antara mangsa dan agensi juga memainkan peranan dalam membantu pihak agensi untuk memberi bantuan yang terbaik kepada mangsa. Perkongsian maklumat seperti pelaporan berkenaan kemusnahan tempat tinggal; kerosakan harta benda; bilangan ahli keluarga yang cedera; keperluan bekalan makanan, pakaian dan perubatan; dan kehilangan ahli keluarga adalah antara contoh-contoh perkongsian maklumat yang berlaku di antara mangsa dan pihak agensi (Chatfield et al., 2012; Majchrzak et al., 2007; Starbird et al., 2010). Melalui perkongsian maklumat di antara mangsa dan agensi dilihat dapat membantu pihak agensi untuk mengetahui keadaan sebenar bencana, dan seterusnya tindakan bantuan dapat dilakukan. Contohnya pihak agensi yang terlibat dengan aktiviti pemindahan mangsa memerlukan maklumat bilangan ahli keluarga dalam setiap rumah agar proses pemindahan mangsa bencana ke pusat pemindahan sementara dapat dijalankan (Yi & Ozdamar, 2007). Seterusnya agensi yang menguruskan pusat

pemindahan sementara pula perlu mengetahui keadaan mangsa agar bantuan makanan, pakaian dan perubatan dapat disalurkan (Said, Gapor, Samian & Abd Aziz, 2013). Manakala, agensi kesihatan pula memerlukan maklumat dari mangsa berkenaan keadaan kesihatan mangsa agar bantuan perubatan, ambulans dan hospital dapat disediakan dengan kadar segera (Chan, Killeen, Griswold, & Lener, 2004). Oleh itu, berdasarkan perbincangan menunjukkan bahawa perkongsian maklumat di antara mangsa dan agensi ini diperlukan kerana ianya dapat membantu agensi menjalankan tugas menyelamatkan dengan berkesan (de la Torre et al., 2012).

Selain dari perkongsian maklumat di kalangan agensi; dan perkongsian maklumat di antara mangsa dan agensi, perkongsian maklumat di kalangan mangsa juga adalah penting. Perkongsian maklumat antara mangsa ini diperlukan kerana bantuan menyelamatkan dari agensi mungkin mengambil masa. Perkongsian maklumat seperti situasi bencana dapat membantu mangsa mengambil tindakan segera bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda (Zhang et al., 2002). Contohnya kejadian Tsunami yang berlaku pada tahun 2004. Melalui aktiviti perkongsian maklumat telah membantu mangsa dengan bertindak lebih cepat dalam proses menyelamatkan diri (Altay & Green, 2006). Selain itu juga, melalui perkongsian maklumat ini dapat membantu mangsa mengetahui berkenaan tempat perlindungan dan lokasi untuk mendapatkan bekalan asas seperti makanan, pakaian dan perubatan. Contohnya kejadian Taufan Haiyan yang melanda negara Filipina pada tahun 2013. Melalui perkongsian maklumat di kalangan mangsa dapat membantu mereka dengan berpindah ke tempat perlindungan yang lebih selamat (Bakillah, Li & Liang, 2014). Selain itu, melalui perkongsian maklumat juga dapat mengurangkan rasa takut dan

tekanan dalam diri mangsa (Manoj & Baker, 2007; Scaffidi et al., 2007). Contohnya, kejadian bencana gempa bumi yang berlaku di Haiti pada tahun 2010. Melalui perkongsian maklumat di antara mangsa dapat membantu mangsa mengurangkan trauma yang dihadapi (Townsend & Moss, 2005). Melalui perkongsian maklumat di kalangan mangsa ini dapat membantu mangsa mengawal kesan bencana di samping menunggu bantuan dari agensi penyelamat (Lu & Yang, 2001). Oleh itu, melalui sorotan kajian menunjukkan bahawa semasa berlakunya bencana, antara perkara penting yang diperlukan oleh mangsa bencana dan agensi-agensi yang terlibat adalah perkongsian maklumat dalam usaha untuk meminimumkan kesan bencana (Erikson, 1994).

Terdapat pelbagai kaedah perkongsian maklumat semasa berlaku bencana seperti komunikasi secara bersemuka, internet (cth., media sosial), penggunaan media massa (cth., televisyen, radio dan surat khabar), dan penggunaan telefon bimbit (Ali, Salleh & Junaidi, 2010; Lu & Yang, 2001; Shklovski et al., 2008b; Yates & Paquette, 2011). Komunikasi secara bersemuka adalah dua atau lebih individu berinteraksi tanpa menggunakan sebarang perantaraan saluran atau medium (Mansor, Rahman & Shwaluddin, 1998). Jones dan Rice (2000) membincangkan melalui komunikasi secara bersemuka, tindak balas dan proses pertukaran maklumat mengenai bencana dapat berlaku dengan berkesan. Selain itu, komunikasi secara bersemuka dapat membantu mangsa mengawal emosi. Ini adalah kerana melalui kata-kata semangat, sentuhan dan kasih sayang dapat membantu mangsa mengurangkan tekanan yang dihadapi (Roy, Shah, Patel & Bagalkote, 2005).

Manakala, bagi konteks kaedah perkongsian maklumat menggunakan internet, Lu dan Yang (2011) membincangkan bahawa ramai individu yang berminat untuk berkongsi maklumat melalui internet. Contohnya seperti e-mel, forum dan rangkaian media sosial. Lazimnya individu ini akan berkongsi maklumat berkenaan pengalaman bencana, memuat naik gambar atau video dan juga mengemaskini keadaan bencana serta bantuan keselamatan. Melalui penggunaan internet ini, ianya memudahkan seseorang individu itu untuk berkongsi maklumat tanpa ada halangan masa, jarak dan budaya (Zhou, 2008). Selain internet, telefon bimbit juga dilihat sebagai salah satu alat perhubungan untuk seseorang individu itu berkongsi maklumat semasa bencana (Shklovski et al., 2008b). Pada masa kini, teknologi telefon bimbit telah berkembang dengan pesat sehingga telefon pintar telah diperkenalkan. Kelebihan telefon pintar seperti kemudahan internet tanpa wayar dan kelajuan data yang tinggi dapat meningkatkan tindak balas individu untuk berkongsi maklumat dengan lebih berkesan (Chan et al., 2004). Antara kaedah komunikasi yang dapat digunakan melalui telefon bimbit adalah seperti perbualan telefon, penghantaran mesej, gambar dan video pendek (Cole-Lewis & Kershaw, 2010).

Kaedah perkongsian maklumat seterusnya adalah media massa. Media massa terbahagi kepada media elektronik (cth., televisyen dan radio) dan media cetak (cth., surat khabar dan majalah). Media massa dilihat memainkan peranan penting dalam memberikan maklumat kepada masyarakat berkenaan kawasan bencana yang terjejas (Anderson, 1997). Ianya dilihat penting kerana keupayaan media massa dalam melaporkan kawasan bencana adalah luas di mana merentasi sempadan geografik dan benua. Selain itu juga, media massa juga dilihat sebagai pemerhati utama dalam

melaporkan maklumat berkenaan peristiwa-peristiwa bencana kepada masyarakat. Ini disebabkan oleh maklumat yang disampaikan adalah lengkap dan boleh dipercayai kerana telah disunting dan mengikut etika kewartawanan (Miles & Morse, 2007). Antara ciri-ciri media massa adalah mudah dicapai, liputan yang meluas, pantas dan terdapat pelbagai pilihan sumber media (Markus, 1987; Miles & Morse, 2007). Contoh kajian lampau yang membincangkan berkenaan keupayaan media massa sewaktu berlaku bencana adalah seperti kejadian pengeboman bandar Oklahoma yang berlaku pada tahun 1995. Selepas beberapa hari berlaku pengeboman di bandar tersebut, berita-berita yang dipaparkan melalui televisyen telah membuat liputan secara menyeluruh berkenaan tapak pengeboman. Ianya telah membantu mangsa-mangsa yang terselamat untuk mendapatkan sumber maklumat berkenaan situasi semasa tapak bencana tersebut (Vasterman, Yzermans & Dirkzwager, 2004). Selain itu juga, kejadian bencana kebakaran unggun api yang telah berlaku di universiti A&M Texas pada tahun 1999. Dalam kejadian tersebut, berita-berita melalui akhbar telah membuat liputan selama beberapa hari berkenaan tragedi bencana. Melalui artikel yang disiarkan telah membantu masyarakat dalam mengetahui jumlah mangsa yang terkorban, tercedera dan terselamat (Gortner & Pennebaker, 2003).

2.3.1 Bencana di Malaysia

Majlis Keselamatan Negara (2003) mendefinisikan bencana sebagai satu keadaan kecemasan yang boleh mengakibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kemusnahan alam sekitar serta menjejaskan ekonomi dan aktiviti sosial. *United Nations International Strategies for Disaster Reduction* (UNISDR; 2005),

membincangkan terdapat dua jenis bencana iaitu bencana alam dan bencana disebabkan oleh kelakuan manusia. Contoh bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, ribut dan kemarau. Manakala bencana disebabkan kelakuan manusia seperti kebakaran, pembuangan sisa toksik/kimia dan kebocoran gas.

Malaysia adalah sebuah negara Asia Tenggara yang mengalami hujan lebat hampir sepanjang tahun. Kesan dari hujan lebat ini, telah mengakibatkan Malaysia mengalami beberapa bencana alam seperti tanah runtuh, banjir lumpur dan banjir. Selain itu, Malaysia juga turut mengalami bencana alam seperti jerebu akibat kebakaran hutan dari negara Jiran, Indonesia. Selain bencana alam, Malaysia turut mengalami bencana disebabkan oleh tindakan manusia seperti kemalangan pengangkutan, bencana-bencana teknologi, kerosakan tempat awam dan kerosakan pengeluaran (Shaluf & Ahmadun, 2006).

Di Malaysia, banjir disenaraikan 9 daripada 10 bencana alam yang telah memberi kesan kepada masyarakat (*EM-DAT The International Disaster Database (EMDAT)*, 2012). Banjir pernah berlaku di Malaysia seawal tahun 1886, 1926, 1967, 1971 dan 1986 (Hussain, Nor & Ismail, 2014). EMDAT (2012) menyatakan bahawa banjir paling teruk telah berlaku pada 3 Disember 1965 yang melibatkan 300 ribu orang.

Bencana banjir berlaku disebabkan oleh hujan lebat yang mengakibatkan kenaikan paras air yang tinggi di sungai-sungai utama dan seterusnya menyebabkan air sungai melimpah kebeberapa kawasan (Ho, Ghazali & Chong, 2002). Selain itu juga bencana banjir juga turut berlaku diatas kecuaiian manusia sendiri. Antaranya kegiatan pembuangan sisa pepejal, pembangunan tanah hutan, pembangunan bandar

yang tidak terancang dan sistem saluran air yang tidak cekap (Faizal & Ishak, 2013; Hashim, Muhamad, Aiyub & Yahya, 2011). Bencana banjir ini dikenali sebagai banjir kilat. Contohnya bencana banjir kilat yang berlaku di Pahang. Akibat dari pembangunan tanah hutan yang tidak terancang telah mengubah entiti kitaran hidrologi lembangan dan juga menyebabkan aliran sungai menjadi rendah (Hashim et al., 2011).

Sejak kebelakangan ini, Malaysia telah menghadapi bencana banjir hampir setiap tahun. Contohnya pada Disember 2006 dan pada bulan Januari 2007, negeri Johor telah mengalami banjir dalam tempoh dua minggu akibat hujan lebat. Kesannya, terdapat 100,000 mangsa banjir yang telah dipindahkan ke lebih 100 pusat pemindahan (Katuk, Ruhana, Norwawi & Deris, 2009). Manakala kejadian banjir di Kedah pada tahun 2002 pula mencatatkan seramai 124000 penduduk yang terlibat dengan banjir dan sebanyak 30.20 juta kos kerugian yang terpaksa ditanggung oleh negara (Kementerian Sumber Alam Sekitar, 2002).

Di Malaysia, salah satu negeri yang mengalami banjir paling kerap adalah negeri Kelantan (Jabatan Pengairan dan Saliran, 2005). Episod banjir besar yang pernah berlaku di Kelantan adalah pada tahun 1967 di mana sebanyak 84 peratus daripada penduduk telah terjejas (Low, 1983; Sham, 1973). Namun, episod banjir besar ini berlaku sekali lagi pada tahun 2014. Selama tujuh hari iaitu bermula pada 26 Disember 2014 sehingga 2 Januari 2015 Kelantan telah mengalami banjir yang besar. Banjir ini telah mengakibatkan 8 daripada 10 jajahan (cth., Pasir Mas, Rantau Panjang dan Kuala Krai) telah mengalami banjir. Banjir ini disebabkan oleh hujan lebat pada akhir Disember 2014. Banjir yang berlaku ini adalah banjir yang tidak

dijangka dan luar biasa. Ramai yang kehilangan tempat tinggal dan masih berlindung di khemah-khemah sehingga hari ini (Ahmad & Abdulrahman, 2015).

Sehubungan dengan itu, kajian ini memilih Rantau Panjang, Kelantan sebagai kawasan kajian dalam mengenal pasti faktor penentu yang mempengaruhi niat perkongsian maklumat. Pemilihan mangsa banjir di Rantau, Panjang ini dilihat dapat membantu kajian kerana pengalaman mereka menghadapi banjir pada setiap tahun. Ini berdasarkan hasil statistik dari JKM yang menyatakan bahawa dari tahun 2009 sehingga 2012, Rantau Panjang adalah antara daerah yang menerima kesan banjir yang teruk pada setiap tahun.

2.3.2 Jenis Maklumat yang dikongsi Semasa Bencana

Apabila berlaku bencana, pelbagai jenis maklumat yang diperlukan dalam usaha untuk meminimumkan kesan bencana. Antaranya seperti maklumat keperluan asas; maklumat bantuan emosi dan maklumat bantuan keselamatan (Dyregov, 1989; Sobel & Lesson, 2007; Zhang et al., 2002). Maklumat mengenai keperluan asas adalah seperti bekalan makanan, pakaian dan tempat perlindungan (de la Torre et al., 2012). Melalui perkongsian maklumat ini dapat membantu agensi mengagihkan bekalan makanan dan pakaian dengan lebih cepat kepada mangsa (Said et al., 2013). Selain itu, melalui perkongsian maklumat di kalangan mangsa pula dapat membantu mereka mengetahui lokasi tempat perlindungan yang lebih selamat. Sekiranya perkongsian maklumat tidak dilakukan dengan baik, aktiviti menangani masalah bencana tidak dapat dijalankan dengan berkesan. Contohnya bencana taufan Katrina yang berlaku di Amerika Syarikat pada tahun 2005. Oleh kerana berlaku kegagalan

dalam aktiviti pengurusan bencana, telah mengakibatkan bekalan makanan dan tempat perlindungan tidak dapat disalurkan dengan baik (Waugh, 2006).

Dari segi bantuan atau maklumat tentang kesihatan pula, maklumat penting yang dikongsi antara agensi yang bertanggungjawab adalah seperti lokasi tempat bencana; bilangan mangsa; keperluan perubatan; penyediaan ambulan dan hospital; dan unit rawatan rapi (Chan et al., 2004). Selain dari pelbagai maklumat yang berbentuk fizikal seperti bekalan makanan, pakaian dan bantuan kesihatan. Semasa bencana berlaku juga, maklumat berkaitan sejauh mana bencana memberi kesan kepada mangsa-mangsa juga perlu diambil kira oleh agensi yang terlibat. Oleh itu, Dyregov (1989) membincangkan bahawa kaunseling dan terapi trauma antara perkongsian maklumat yang dijalankan antara kaunselor dan mangsa bencana. Ini adalah penting kerana ianya dapat memberi peluang kepada mangsa-mangsa untuk berkongsi pengalaman dan tanggapan mereka semasa bencana. Seterusnya melalui perkongsian maklumat, ianya juga dapat memberi pelbagai maklumat dalam mengurangkan rasa tekanan dan trauma yang dihadapi oleh mangsa-mangsa (Dyregov, 1989; Roy et al., 2005).

Kemudian, bagi maklumat tentang keselamatan pula, maklumat berkenaan proses menyelamatkan mangsa adalah antara maklumat penting yang dikongsi semasa berlaku bencana (Sobel & Lesson, 2007). Bagi proses menyelamatkan mangsa, agensi penyelamat memerlukan maklumat dari mangsa untuk mengetahui bilangan isi setiap rumah. Maklumat mangsa pemindahan ini perlu kerana ianya dapat membantu pihak agensi dalam mengenal pasti jumlah mangsa dalam setiap isi rumah dan seterusnya bantuan menyelamatkan dapat dijalankan dengan berkesan. Melalui

maklumat tersebut juga dapat membantu agensi penyelamat melakukan aktiviti pemindahan mangsa ke tempat pemindahan sementara seperti dewan, sekolah dan mendirikan khemah (Yi & Ozdamar, 2007). Selain itu, perkongsian maklumat juga dapat membantu agensi memastikan keselesaan mangsa bencana di pusat pemindahan. Contohnya, melalui maklumat daripada mangsa kepada agensi penyelamat dapat membantu agensi penyelamat membuat pembahagian jumlah mangsa bencana yang perlu dipindahkan di setiap pusat pemindahan sementara. Sekiranya maklumat pemindahan tidak dilaksanakan dengan betul, masalah pemindahan jumlah mangsa bencana yang ramai, padat dan sesak di pusat pemindahan akan berlaku. Contohnya kejadian banjir yang berlaku di Padang Terap, Kedah pada tahun 2010. Oleh kerana berlaku kelemahan dalam menguruskan maklumat, terlalu ramai mangsa banjir telah dipindahkan ke pusat pemindahan. Suasana yang bising dan masalah tempat tidur menjadi masalah utama kepada mereka. Ini menimbulkan rasa tidak selesa dan memberi tekanan kepada penghuni pusat pemindahan tersebut (Said et al., 2013). Secara ringkasnya, agensi penyelamat dan mangsa sentiasa memerlukan pelbagai jenis maklumat semasa berlaku bencana. Melalui maklumat yang diperoleh ini dapat membantu mereka mendapat pelbagai bantuan dalam mengurangkan kesan bencana.

2.4 Kajian Lampau Berkenaan Perkongsian Maklumat Semasa Bencana

Hasil dari sorotan kajian yang telah dijalankan mendapati banyak kajian lampau yang memberi perhatian kepada topik berkaitan perkongsian maklumat semasa bencana. Antaranya kajian berkenaan perkongsian maklumat melalui penggunaan teknologi (Marincioni, 2007; Yates & Paquette, 2011); cabaran dan halangan aktiviti

perkongsian maklumat semasa bencana (Bharosa, Lee & Janssen, 2010; Manoj & Baker, 2007); kajian berkenaan maklumat *crowdsourcing* yang dikongsi sewaktu bencana (Gao & Barbier, 2011); dan terdapat juga kajian yang membangunkan rangka kerja perkongsian maklumat bagi menguruskan bencana (Dantas & Seville, 2006).

Kajian lampau mendapati teknologi dapat membantu agensi penyelamat, komuniti dan individu dalam aktiviti perkongsian maklumat semasa bencana. Contohnya, Yates dan Paquette (2011) mengkaji berkenaan media sosial sebagai sebuah aplikasi perkongsian maklumat yang dapat membantu agensi menguruskan bencana dengan berkesan. Manakala kajian oleh Shklovski et al. (2008b) membincangkan penggunaan teknologi (cth., radio, emel dan blog) menjadi pengantara komunikasi yang berguna kepada komuniti dalam aktiviti berkongsi maklumat berkaitan situasi bencana. Kajian oleh Yates dan Paquette (2011) dan Shklovski et al. (2008b) ini menjelaskan bahawa perkongsian maklumat melalui teknologi mempunyai pelbagai manfaat sokongan seperti melalui maklumat yang dikongsi, telah menjadikan sumber-sumber maklumat yang ada lebih banyak dan lengkap. Seterusnya proses membuat keputusan dapat dilakukan dengan lebih cepat dalam menangani masalah bencana.

Selain itu, terdapat kajian lampau yang membincangkan berkenaan halangan dan cabaran aktiviti perkongsian maklumat semasa bencana. Antara cabaran dan halangannya adalah membincangkan berkenaan perkongsian maklumat yang tidak dapat diselaras di peringkat agensi penyelamat (Bharosa et al., 2010). Salah satu punca halangan ini terjadi adalah kerana agensi penyelamat sukar untuk mengumpul

maklumat semasa bencana kerana keadaan bencana yang sukar diramal serta merbahaya. Ini menyukarkan agensi penyelamat untuk mendekati lokasi bencana; mengumpul maklumat; dan seterusnya berkongsi maklumat antara agensi (Killian, 2002). Oleh itu, kerana halangan dan cabaran yang dihadapi ini telah mengganggu proses perkongsian maklumat di peringkat agensi.

Seterusnya terdapat kajian yang membincangkan berkaitan perkongsian maklumat yang *crowdsourcing* ketika berlaku bencana. Gao dan Barbier (2011) menjelaskan terdapat pelbagai kelemahan perkongsian maklumat yang *crowdsourcing* ini. Contohnya, maklumat yang terlalu banyak yang dikongsi di antara mangsa telah memberi kesukaran kepada mangsa untuk membuat keputusan dalam mempercayai ketelusan setiap maklumat yang diperolehi. Selain itu juga, terdapat kajian yang membangunkan rangka kerja perkongsian maklumat bagi menguruskan bencana. Contohnya Dantas dan Seville (2006) telah membangunkan satu rangka kerja perkongsian maklumat bagi agensi yang terlibat dengan aktiviti pengurusan bencana. Kajian ini membangunkan sebuah rangka kerja dalam memahami keperluan mangsa dan membincangkan sumber maklumat yang dikongsi oleh agensi bagi menjalankan operasi pengurusan bencana. Kesimpulannya, terdapat banyak sorotan kajian lampau yang membincangkan berkenaan perkongsian maklumat semasa bencana di pelbagai konteks seperti teknologi, rangka kerja, cabaran dan halangan perkongsian maklumat sewaktu bencana. Namun begitu, masih kurang kajian lampau yang cuba mengkaji niat perkongsian maklumat semasa bencana.

Memahami niat perkongsian maklumat adalah penting kerana dalam sesuatu keadaan atau situasi (cth., bencana), setiap individu mempunyai tujuan yang sama iaitu

berkongsi dan menggunakan maklumat yang diperoleh (Botkin, 1999). Niat perkongsian maklumat ini dapat ditakrifkan sebagai sejauh mana individu percaya mereka boleh melibatkan diri dalam aktiviti perkongsian maklumat (Constant et al., 1994; Dennis, 1996; Fishbein & Ajzen, 1980). Melalui terbentuknya niat perkongsian maklumat ini, ianya dapat membantu seseorang individu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan dari individu lain; dan seterusnya menggunakan maklumat tersebut (Kulkarni, Ravindran & Freeze, 2006).

Berdasarkan kajian lampau terdapat pelbagai konstruk dalam meramal sesuatu tindakan. Antaranya adalah sikap, tingkah laku, dan juga niat. Sikap didefinisikan sebagai tahap perasaan seseorang individu dalam melakukan sesuatu tindakan (Fishbein & Ajzen, 1975; 1980). Manakala tingkah laku pula adalah pengukuran terhadap sejauh mana seseorang individu ingin melakukan sesuatu tindakan (Fisher, Martz & Jaworski, 1997; Heide & Miner, 1992). Seterusnya, niat pula dapat ditakrifkan sebagai sejauh mana individu percaya mereka boleh melibatkan diri dalam sesuatu tindakan (Fishbein & Ajzen, 1980).

Bagi konteks kajian ini, kajian ini mencadangkan niat sebagai peramal kepada individu dalam melakukan sesuatu tindakan. Ini berdasarkan perbincangan dari sorotan kajian lampau yang mendapati bahawa niat adalah peramal utama kepada sesuatu tingkah laku. Contohnya kajian dari Ajzen (1991) yang menjelaskan bahawa niat dibentuk oleh faktor-faktor motivasi yang mempengaruhi tingkah laku individu dalam melakukan sesuatu tindakan. Selain itu, Fishbein dan Ajzen, (1975) turut menjelaskan bahawa tingkah laku seseorang individu diramalkan oleh niat. Justeru, kajian ini memberi fokus kepada niat kerana hasil dari kajian lampau

membincangkan bahawa niat dan tingkah laku mempunyai hubungan signifikan yang kuat (Bock et al., 2005; Lu & Hsiao, 2007; Papadopoulus et al., 2013).

Melalui terbentuknya niat perkongsian maklumat ini, ianya akan memberi kesan positif ke atas tingkah laku individu dalam berkongsi maklumat (Bock & Kim, 2001). Oleh itu, kajian ini mencadangkan niat perkongsian maklumat sebagai peramal kepada individu untuk berkongsi maklumat semasa berlaku bencana.

Selain itu juga, seperti yang telah dibincangkan pada bab sebelum ini, niat perkongsian maklumat perlu difahami kerana kejayaan penggunaan ICT juga bergantung kepada niat seseorang individu itu dalam berkongsi maklumat maklumat (Jaeger et al., 2007; Paton & Jackson, 2002). Melalui niat seseorang untuk berkongsi maklumat dapat membantu dalam menentukan teknologi yang sesuai bagi aktiviti perkongsian maklumat (Hashim & Tan, 2015). Oleh itu, dari konteks kajian ini, niat perkongsian maklumat ini adalah penting untuk difahami kerana ianya dapat membantu dalam mempengaruhi penggunaan ICT untuk berkongsi maklumat sewaktu berlaku bencana.


2.5 Teori Penentu Niat

Terdapat pelbagai teori yang menentukan niat seseorang individu untuk melakukan sesuatu perkara. Antaranya *Theory Reason Action* (TRA), *Theory of Planned Behavior* (TPB) dan Teori kognitif sosial (Ajzen, 1988; Bandura, 1986; Fishbein & Ajzen, 1975). Teori-teori ini mendapat banyak perhatian dari penyelidik-penyelidik lampau dalam mengkaji niat seseorang individu (Bamberg, Ajzen & Smith, 2003;

Hsu, Ju, Yen & Chang, 2007; Slocombe, 1999). Teori-teori ini akan dibincangkan di sub topik seterusnya.

2.5.1 Theory Reasoned Action

Theory Reason Action (TRA) dari Fishbein dan Ajzen (1975) adalah merupakan sebuah teori psikologi yang sering digunakan untuk meramal serta menerangkan tingkah laku seseorang individu (Madden, Ellen & Ajzen, 1992; Sheppard, Hartwick & Warshaw, 1988; Slocombe, 1999). Melalui teori ini, tingkah laku individu di pengaruhi oleh 1) tingkah laku individu berdasarkan niat 2) sikap (*attitude*); dan 3) *subjective norm* (Rujuk rajah 2.2). Tingkah laku berdasarkan niat merujuk kepada keyakinan atau kemungkinan seseorang individu melakukan sesuatu perkara sehingga ianya berlaku (Ajzen & Fishbein, 1980; Fishbein & Ajzen, 1975). Manakala sikap (*attitude*) adalah kepercayaan atau perasaan seseorang individu yang mendorong individu ke arah melakukan sesuatu tingkah laku (Ajzen & Fishbein, 1980). *Subjective norm* pula adalah tingkah laku yang akan mempengaruhi individu untuk melaksanakan sesuatu tindakan adalah disebabkan oleh dorongan sekeliling (cth., rakan, pasangan dan keluarga) (Godin, 1993). *Subjective norm* membincangkan bahawa pengaruh dari individu lain akan mempengaruhi tingkah laku seseorang individu (Zhou, 2011).



Rajah 2.2. Model *Theory Reasoned Action* (Fishbein dan Ajzen, 1975).


Kajian menunjukkan bahawa teori TRA didapati amat berguna dalam meramalkan pelbagai tingkah laku, dan telah digunakan secara meluas dalam meramal tingkah laku individu di dalam pelbagai bidang seperti bidang kesihatan, persekitaran, pengurusan kewangan dan organisasi (Ajzen, Albarracín & Hornik, 2012; Fishbein & Ajzen, 2011; LaCaille, 2013; Marshall, Akoorie, Hamann & Sinha, 2010; Yousafzai, Foxall & Pallister, 2010). Namun begitu, kajian sebelum ini mendapati bahawa dalam mengkaji tingkah laku individu, ianya memerlukan komponen lain bagi memberikan penjelasan yang lebih luas dalam mengkaji tingkah laku individu (Liker & Sindi, 1997). Menurut kajian lampau, TRA adalah sebuah teori yang umum di mana ianya tidak memberi fokus kepada penilaian individu melakukan sesuatu tingkah laku (Hsu & Lin, 2008). Justeru, penting bagi seseorang individu untuk membuat penilaian terhadap setiap tingkah laku yang di ambil. Sebagai contoh, Bock dan Kim (2002) membincangkan bahawa para pekerja di organisasi akan membuat penilaian sebelum melakukan sesuatu tindakan; di mana para pekerja menginginkan ganjaran dan mereka percaya bahawa ganjaran tersebut memberi kesan ke atas niat mereka dalam melakukan sesuatu tingkah laku. Begitu juga bagi konteks perkongsian maklumat ketika bencana, mangsa bencana juga memerlukan penilaian sebelum mengambil tindakan dalam berkongsi maklumat. Kesimpulannya, oleh

kerana TRA hanya memberi fokus kepada mengukur tingkah laku individu secara umum maka ianya dirasakan tidak sesuai untuk digunakan bagi kajian ini.

2.5.2 Theory of Planned Behavior

Selain daripada teori TRA, teori yang sering mendapat perhatian dalam mengkaji niat adalah *Theory of Planned Behavior* (TPB) (Ajzen, 1988). Teori ini telah digunakan secara meluas di pelbagai bidang seperti perhotelan, pelancongan dan pengurusan (Ajzen, 2011; Han, Hsu & Sheu, 2010; Quintal, Lee & Soutar, 2010; Rise, Sheeran & Hukkelberg, 2010). Teori ini adalah lanjutan kepada teori TRA. Seperti juga TRA, TPB digunakan untuk meramal tingkah laku individu. Selain daripada niat, sikap (*attitude*) dan *subjective norm*. TPB juga menilai faktor tambahan iaitu kawalan terhadap tingkah laku (rujuk rajah 2.3). Kawalan terhadap tingkah laku merujuk kepada perasaan individu berkenaan kesenangan atau kesusahan apabila melakukan sesuatu tingkah laku. Perasaan ini dinilai berdasarkan pengalaman atau halangan yang dijangka oleh individu.

Melalui tambahan kepada faktor kawalan terhadap tingkah laku ini telah memberi perubahan dalam menilai tingkah laku seseorang individu. Sebagai contoh walaupun seseorang individu itu mempunyai sikap (*attitude*) dan *subjective norm* yang tinggi namun sekiranya dia tidak mempunyai kawalan terhadap tingkah laku, ianya akan memberi kesan terhadap tindakan yang dilakukan (Madden et al, 1992). Kesimpulannya semakin tinggi sikap (*attitude*); *subjective norm*; dan kawalan individu dalam mengawal tingkah laku, maka semakin kuat niat seseorang individu dalam melakukan sesuatu tingkah laku (Bamberg et al., 2003).



Rajah 2.3. Model *Theory of Planned Behavior* (Ajzen, 1988)


Seperti juga TRA, TPB juga telah digunakan secara meluas dan dikenali sebagai sebuah teori yang berjaya dalam meramal pelbagai tingkah laku (Ajzen, 1988, 1991; Conner & Sparks, 1996; Godin & Kok, 1996). Namun begitu dalam mengkaji niat mangsa untuk berkongsi maklumat sewaktu bencana, teori TPB dilihat tidak dapat memenuhi keperluan kajian ini. Faktor tambahan kawalan terhadap tingkah laku masih lagi bersifat umum di mana ianya berkenaan pengalaman individu dalam melakukan sesuatu tingkah laku. Ianya lebih kepada bersifat faktor luaran kerana tingkah laku individu berdasarkan pengalaman atau halangan.

Berbeza dengan keperluan kajian ini, tingkah laku individu dalam berkongsi maklumat sewaktu bencana memerlukan persepsi kawalan kognitif. Kawalan kognitif adalah pemikiran atau penilaian individu dalam melakukan sesuatu tingkah laku. Faktor kawalan kognitif ini lebih bersifat kepada faktor dalaman individu. Dari konteks perkongsian maklumat sewaktu bencana, adalah penting bagi mangsa bencana untuk memerlukan kawalan kognitif semasa berkongsi maklumat. Oleh itu

hasil kajian mencadangkan bahawa dalam mengkaji niat perkongsian maklumat mangsa bencana, pengukuran yang lebih tepat diperlukan. Bagi kajian ini, tumpuan berkenaan konstruk sosial kognitif harus dikaji.

2.5.3 Teori Kognitif Sosial

Selain TPB, terdapat satu lagi teori yang sering digunakan untuk mengkaji niat seseorang individu iaitu Teori kognitif sosial (Bandura, 1986). Secara umumnya, Teori kognitif sosial ini dipengaruhi oleh 1) tingkah laku; 2) persekitaran; dan 3) peribadi (rujuk rajah 2.4). Teori kognitif sosial ini membincangkan bahawa wujud hubungan dinamik bagi ketiga-tiga faktor ini di mana ianya mempengaruhi antara satu sama lain (Gist & Mitchell, 1992; Wood & Bandura, 1989).



Rajah 2.4. Model Teori kognitif sosial (Bandura, 1986)

Menurut Bandura (1991), tingkah laku di dalam sesuatu keadaan akan dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan faktor peribadi. Bagi konteks peribadi, individu akan menilai keupayaan mereka untuk melibatkan diri dalam sesuatu tingkah laku berdasarkan persepsi diri terhadap sesuatu kelakuan (cth., berdasarkan pemikiran, kepercayaan dan motivasi). Seterusnya, keupayaan ini akan memberi kesan terhadap

tingkah laku dan persekitaran (cth., bagaimana individu membuat penilaian untuk melakukan sesuatu tingkah laku atau bagaimana tingkah laku tersebut mempengaruhi persekitaran individu). Manakala, bagi konteks persekitaran pula, melalui persekitaran ini, ianya boleh menghalang atau menggalakkan kepada sesuatu tingkah laku (Looney, 2008).

Jika dilihat dari konteks perkongsian maklumat semasa berlaku bencana faktor-faktor tersebut adalah 1) tingkah laku individu yang terlibat dengan bencana; 2) persekitaran kepada berlakunya bencana dan 3) peribadi individu yang mempunyai niat untuk berkongsi maklumat. Apabila berlaku bencana, tingkah laku individu untuk berkongsi maklumat akan dipengaruhi oleh persekitaran bencana dan peribadi individu. Contohnya seseorang individu akan berkongsi maklumat dalam usaha untuk membantu individu lain berdasarkan peribadi mereka (cth., berdasarkan pemikiran, kepercayaan dan motivasi). Selain itu juga, tindakan dalam membantu individu lain juga dipengaruhi oleh persekitaran bencana disekelilingnya.

Efikasi sendiri dan hasil jangkaan adalah merupakan teori teras bagi Teori Kognitif sosial ini (Chiu et al., 2006). Faktor efikasi sendiri dan hasil jangkaan ini mempengaruhi kepada pembentukan peribadi, tingkah laku dan persekitaran individu (Bandura, 1986, 1997; Compeau & Higgins, 1995). Efikasi sendiri merujuk kepada pertimbangan individu dalam melaksanakan sesuatu tindakan dan tugas (Bandura, 1986). Dalam erti kata yang lain, efikasi sendiri merujuk kepada kepercayaan dan keupayaan seseorang individu apabila melakukan sesuatu tindakan tertentu. Efikasi sendiri ini juga dianggap sebagai satu penilaian sendiri (*self-evaluation*) terhadap tindakan, usaha dan keyakinan dalam membuat keputusan (Lin, Hung & Chen,

2009). Efikasi sendiri ini telah dikenal pasti dapat memberi kesan positif dalam mempengaruhi tingkah laku individu (Bandura, 1982; Bunch, Robinson & Edwards, 2012; Hyvönen, 2011; Igbaria & Livari, 1995; Lever-Landis et al., 2003; Niederhauser & Perkmen, 2010). Menurut Stapler dan Webster (2013), jika seseorang individu mempunyai efikasi sendiri yang tinggi dalam melakukan sesuatu tindakan, maka individu tersebut akan melakukan perkara tersebut dengan lebih berkesan. Melalui efikasi sendiri ini, individu yang mempunyai niat efikasi sendiri yang tinggi akan merasa yakin diri untuk melakukan sesuatu tugas berbanding individu yang mempunyai niat efikasi sendiri yang rendah (Hsu et al., 2007). Individu yang mempunyai niat efikasi sendiri yang rendah akan merasakan bahawa beliau tidak mampu untuk melaksanakan sesuatu tugas atau tindakan (Schunk, 1990).

Faktor seterusnya adalah hasil jangkaan. Hasil jangkaan adalah kepercayaan seseorang individu melakukan sesuatu perkara dan ianya akan membawa kepada sesuatu hasil (Bandura, 1997; Sexton & Tuckman, 1991). Hasil jangkaan ini dapat mempengaruhi niat seseorang individu melalui rasa percaya individu melakukan sesuatu perkara dan seterusnya mendatangkan hasil. Malahan seseorang individu itu juga percaya dalam melakukan sesuatu perkara, ia adalah kerana menginginkan sesuatu hasil yang positif untuk kepentingan diri sendiri dan juga hasil pada masa hadapan.

Teori kognitif sosial dilihat sebagai sebuah teori yang sesuai dalam mengenal pasti niat seseorang individu itu untuk berkongsi maklumat ketika bencana. Berbanding dengan TRA dan TPB, Kedua-dua teori ini lebih kepada bersifat umum, di mana

TRA meramal niat, sikap (*attitude*) dan *subjective norm* dan TPB pula meramal kawalan terhadap tingkah laku dalam melakukan sesuatu tindakan. Berbeza dengan Teori kognitif sosial, teori ini lebih bersifat kognitif di mana individu akan mempunyai penilaian di dalam fikiran sebelum melakukan sesuatu tindakan (Dzewaltowski, Noble & Shaw, 1990). Faktor yang digunakan di dalam teori kognitif sosial iaitu efikasi sendiri dan hasil jangkaan menyumbang kepada penilaian individu melakukan sesuatu tindakan. Semakin besar penilaian individu melakukan sesuatu perkara semakin tinggi tindakannya melakukan perkara tersebut. Sebagai contoh individu yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan berkongsi maklumat yang ada pada diri mereka dalam usaha untuk membantu individu lain menghadapi bencana. Manakala bagi hasil jangkaan pula adalah individu akan berkongsi maklumat berkaitan bencana dengan harapan memperoleh sesuatu hasil. Oleh itu Teori kognitif sosial adalah teori yang sesuai digunakan bagi meramal niat individu dalam melakukan sesuatu tindakan.

Selain itu juga, terdapat kajian lampau yang membincangkan bahawa efikasi sendiri dan kawalan terhadap tingkah laku adalah dua perkara yang berbeza (Bandura, 1986, 1992; Terry, 1993). Bandura (1986, 1992) membincangkan bahawa efikasi sendiri memberi perhatian kepada persepsi kawalan kognitif di mana ianya berdasarkan faktor kawalan dalaman. Berbeza dengan kawalan terhadap tingkah laku, ianya berkenaan pengalaman individu dalam melakukan sesuatu tingkah laku di mana ianya berdasarkan faktor luaran. Malahan Dzewaltowski et al. (1990) menjelaskan bahawa efikasi sendiri memberi kesan secara langsung kepada tingkah laku seseorang individu. Oleh itu, dari sorotan kajian mendapati bahawa faktor efikasi

kendiri di dalam Teori kognitif sosial sesuai digunakan dalam meramalkan tingkah laku individu.

Dari sorotan kajian ternyata teori ini sesuai untuk digunakan dalam mengkaji niat individu dalam berkongsi maklumat. Jadual 2.1 menjelaskan faktor penentu niat perkongsian maklumat. Walau bagaimanapun penggunaan teori ini hanya terbatas kepada bidang organisasi, kesihatan, dan teknologi (Bock & Kim, 2002; Chiu et al., 2006; Lever-Landis et al., 2003; Papadopoulus, Stamati & Nopparuch, 2013). Masih terdapat kurang kajian yang menggunakan Teori kognitif sosial dalam mengkaji niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa bencana.

Jadual 2.1

Sorotan kajian lampau berkenaan Teori kognitif sosial

Penulis	Teori	Kriteria bagi konstruk berkaitan	Metodologi	Domain	Konteks kajian
1. Bock dan Kim (2002)	Teori kognitif sosial Teori pertukaran ekonomi Teori pertukaran sosial	Efikasi sendiri. Menerima ganjaran wang, kenaikan pangkat atau peluang pendidikan. Menerima bantuan dan merasakan perlu untuk membalas kembali bantuan tersebut.	Kuantitatif – soal selidik	Organisasi	Kajian mengkaji faktor yang mempengaruhi tingkah laku perkongsian maklumat di kalangan individu dalam organisasi.
2. Lever-	Teori	Efikasi	Kualitatif –	Kesihatan	Kajian

Landis et al. (2003)	kognitif sosial	kendiri dan sokongan sosial	temuramah Kuantitatif – soal selidik		membangunkan dan menguji model yang berasaskan teori kognitif sosial dalam meramalkan tingkah laku serta gaya hidup yang sihat untuk mencegah osteoporosis.
3.Kankanhalli, Tan dan Wei (2005)	Teori kognitif sosial	Efikasi kendiri dan resiprokal.	Kuantitatif – soal selidik	Organisasi	kajian merumuskan dan menguji model teori untuk menerangkan penggunaan EKR dalam perkongsian maklumat.
4.Hsu et al. (2007)	Teori kognitif sosial	Efikasi kendiri dan pengiktirafan sosial	Kuantitatif – soal selidik	Teknologi maklumat	Mengkaji faktor-faktor yang menyokong atau menghalang tingkah laku perkongsian maklumat individu dalam komuniti maya.
5.Chiu et al. (2006)	Teori kognitif sosial	Resiprokal	Kuantitatif – soal selidik	Teknologi maklumat	Membina model dalam mengkaji motivasi individu dalam berkongsi maklumat melalui komuniti maya.
	<i>Social capital theory</i>	Kepercayaan, norm			
6. Lu dan Hsiao (2007)	Teori kognitif sosial	Efikasi kendiri.	Kuantitatif – soal selidik	Teknologi maklumat	Mengkaji motivasi tingkah laku individu dalam berkongsi maklumat menggunakan blog.
7.Lin et al. (2009)	Teori kognitif sosial	Efikasi kendiri dan resiprokal.	Kuantitatif – soal selidik	Teknologi maklumat	Membangunkan sebuah model faktor perkongsian maklumat, tingkah laku, dan kesetiaan komuniti dalam komuniti

8.Lin (2010)	Teori kognitif sosial	Sokongan sosial	Kuantitatif – soal selidik	Teknologi maklumat	maya. Mengenal pasti faktor-faktor pemacu utama individu terhadap tingkah laku dan kesetiaan dalam komuniti maya.
9.Staples dan Webster (2007)	Teori kognitif sosial	Efikasi sendiri	Kuantitatif – soal selidik	Teknologi maklumat	Memeriksa pengalaman pekerja menjadi ahli dalam komuniti maya : dari perspektif teori kognitif sosial.
Papadopoulus et al.(2013)	Teori kognitif sosial	Efikasi sendiri	Kuantitatif – soal selidik berasakan web	Teknologi maklumat	Mengkaji penentu perkongsian maklumat melalui “weblog” pekerja.

Hasil jadual mendapati banyak kajian lampau yang membincangkan tentang penggunaan Teori kognitif sosial dalam meramal tindakan individu di pelbagai bidang. Terdapat pelbagai kriteria bagi Teori kognitif sosial ini iaitu efikasi sendiri, resiprokal dan sokongan sosial. Seperti yang dibincangkan pada subtopik sebelum ini efikasi sendiri dan hasil jangkaan adalah teori asas kepada Teori Kognitif sosial . Efikasi sendiri dan hasil jangkaan telah dibincangkan secara menyeluruh di dalam subtopik sebelum ini di mana efikasi sendiri adalah kepercayaan dan keupayaan seseorang individu itu untuk melaksanakan sesuatu tindakan. Manakala hasil jangkaan adalah kepercayaan seseorang individu melakukan sesuatu perkara dan ianya akan membawa kepada sesuatu hasil. Hasil jangkaan ini terbahagi kepada dua iaitu hasil jangkaan peribadi dan hasil jangkaan komuniti. Model kajian akan dibangunkan berdasarkan efikasi sendiri, hasil jangkaan peribadi dan hasil jangkaan komuniti.

Hasil jangkaan peribadi dapat ditakrifkan sebagai kepercayaan individu melakukan sesuatu tindakan disebabkan oleh jangkaan ganjaran atau matlamat (BenMessaoud, Kharrazi & MacDorman, 2011; Compeau, Higgins & Huff, 1999; Hechter, 2011). Dari konteks perkongsian maklumat hasil jangkaan peribadi merujuk kepada kepercayaan individu untuk berkongsi maklumat untuk mencapai sesuatu ganjaran (Bock & Kim, 2002; Compeau & Higgins, 1995, 1999; Kankanhalli et al., 2005; Lin & Huang, 2010; Wasko & Faraj, 2005). Sebagai contoh, individu terdorong untuk berkongsi maklumat adalah disebabkan oleh resiprokal (Hsu et al., 2007). Resiprokal adalah sesuatu niat yang penting kerana seseorang individu itu percaya apabila berkongsi maklumat kepada individu yang memerlukan, ianya akan membuatkan individu tersebut untuk membantu kembali pada masa hadapan (Bock & Kim, 2002; Davenport & Prusak, 1998; Lu & Yang, 2011; Paton, 2003). Dalam erti kata yang lain, resiprokal ini mewujudkan rasa tanggungjawab kepada penerima maklumat untuk membalas kembali kebaikan yang diterimanya, manakala penyumbang maklumat pula berharap penerima maklumat akan membalas kembali kebaikan yang diperoleh pada masa hadapan (Connolly & Thorn, 1990; Kollock, 1999).

Manakala hasil jangkaan komuniti merujuk kepada kepada kepercayaan individu terhadap kesan dari tingkah laku dalam melakukan sesuatu perkara kepada komuniti. Dari konteks perkongsian maklumat, hasil jangkaan komuniti merujuk kepada kepercayaan individu dalam memperoleh kepuasan diri adalah melalui memberi bantuan kepada orang lain yang memerlukan maklumat (Kankanhalli et al., 2005). Sebagai contoh, individu dijangka untuk berkongsi maklumat adalah kerana individu tersebut percaya akan memperoleh sokongan sosial daripada komuniti (Andrew,


2002). Sokongan sosial ini berlaku apabila dalam sesebuah komuniti, akan terdapat sebilangan individu yang mempunyai maklumat yang berguna kepada komuniti. Oleh itu keupayaan sebilangan individu dalam menyediakan maklumat akan dapat memberi sokongan sosial di antara satu sama lain (Butler, 2001). Melalui interaksi sosial ini dilihat dapat membantu dari segi meluahkan emosi, maklumat dan rujukan; oleh itu, sokongan sosial dapat membantu dalam mengurangkan ketidakpastian seseorang individu (Barrere, 1986; Walther & Boyd, 2002). Sokongan sosial ini dilihat dapat membantu keperluan dan kesejahteraan antara satu sama lain (Pfefferbaum et al., 2005).

Selain dari sokongan sosial, individu dijangka untuk berkongsi maklumat adalah kerana individu tersebut percaya akan memperoleh pengiktirafan sosial daripada komuniti (Cabrera & Cabrera 2002). Cabrera dan Cabrera (2002) membincangkan bahawa seseorang individu itu merasa lebih dihargai apabila menerima pengiktirafan sosial dari komuniti. Pengiktirafan sosial adalah penghargaan terhadap usaha dan bantuan yang telah diberikan oleh seseorang individu kepada individu lain (Mathbor, 2007). Dalam kajian ini, hasil jangkaan peribadi akan diwakili oleh resiprokal dan hasil jangkaan komuniti pula diwakili oleh sokongan sosial dan pengiktirafan sosial.

2.6 Model Kajian

Gambarajah 2.5 merupakan cadangan model bagi kajian ini. Bagi kajian ini niat perkongsian maklumat mangsa banjir akan dipengaruhi secara positif oleh efikasi sendiri dan hasil jangkaan. Manakala hasil jangkaan akan dipengaruhi secara positif oleh hasil jangkaan peribadi dan hasil jangkaan komuniti. Hubungan bagi setiap

pemboleh ubah ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut pada sub topik seterusnya iaitu hipotesis kajian.



Rajah 2.5. Model Kajian

2.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini akan membincangkan berkenaan faktor-faktor penentu niat perkongsian maklumat dalam mempengaruhi niat perkongsian maklumat mangsa banjir. Faktor-faktor tersebut adalah efikasi sendiri dan hasil jangkaan. Hasil jangkaan akan dipengaruhi oleh hasil jangkaan peribadi dan hasil jangkaan komuniti. Seterusnya hasil jangkaan peribadi akan dipengaruhi oleh resiprokal manakala hasil jangkaan komuniti dipengaruhi oleh sokongan sosial dan pengiktirafan sosial. Berikut adalah hipotesis kajian bagi kajian ini.

H1. Niat perkongsian maklumat adalah dipengaruhi secara positif oleh efikasi sendiri.

Dalam perkongsian maklumat, efikasi sendiri ini adalah penting dalam mempengaruhi niat individu dalam berkongsi maklumat. Begitu juga dari konteks bencana, efikasi sendiri juga memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi niat mangsa bencana untuk berkongsi maklumat. Ini adalah kerana semasa berlaku bencana, mangsa yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi akan mempunyai niat yang positif dalam membantu mangsa bencana yang lain (Benight et al., 1997; Murphy, 1987). Individu yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi ini akan lebih cenderung untuk berkongsi maklumat dengan niat membantu individu lain dalam mengawal emosi dan perasaan mereka (Benight et al, 1999; Benight & Bandura, 2004; Paton & Jackson, 2002). Sebagai contoh, menurut *Asian Disaster Preparedness Centre* (2002), salah satu cabaran semasa terjadinya bencana adalah untuk memastikan penerimaan dan penyebaran maklumat berlaku secara berkesan di kalangan pihak yang terlibat dengan bencana. Oleh itu, individu yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan mengumpul semua maklumat dari pelbagai sumber dan seterusnya berkongsi kepada individu lain bagi menghadapi situasi krisis (Paton & Jackson, 2002). Berdasarkan perbincangan di atas kajian ini percaya bahawa individu yang mempunyai tahap efikasi sendiri lebih cenderung untuk berkongsi maklumat dengan individu lain semasa berlaku bencana. Oleh itu, faktor efikasi sendiri adalah faktor penentu kepada niat perkongsian maklumat semasa berlakunya bencana.

H2. Niat perkongsian maklumat adalah dipengaruhi secara positif oleh resiprokal.

Dari sorotan kajian, menunjukkan bahawa resiprokal ini membawa kesan positif kepada niat perkongsian maklumat. Begitu juga dalam konteks bencana, semasa berlaku bencana mangsa biasanya merasa tidak pasti dengan segala maklumat yang ada. Mangsa bencana memerlukan maklumat seperti makanan, tempat tinggal dan bantuan perubatan (de la Torre et al., 2012). Oleh itu, individu yang mempunyai resiprokal yang tinggi akan cuba untuk mendapatkan sebanyak mana mungkin maklumat berkenaan bencana dalam usaha untuk mengurangkan perasaan ragu yang dihadapi oleh mangsa-mangsa. Melalui maklumat yang dikongsi tersebut, individu itu berharap agar segala usahanya akan dibalas kembali pada masa hadapan. Manakala, penerima maklumat pula merasa bertanggung jawab untuk membalas kembali maklumat yang diperoleh. Ini adalah untuk memastikan sumbangan maklumat berterusan dari pemberi maklumat (Jaeger et al., 2007). Berdasarkan perbincangan di atas, faktor resiprokal adalah faktor penentu kepada niat perkongsian maklumat semasa berlakunya bencana.

H3. Niat perkongsian maklumat adalah dipengaruhi secara positif oleh sokongan sosial.

Semasa kejadian bencana, Tse dan Liew (2004) menjelaskan bahawa sokongan sosial antara mangsa bencana adalah antara faktor yang dapat membantu dalam menghadapi situasi bencana. Merujuk kepada Benight dan Bandura (2004), melalui sokongan sosial ini, ianya dapat mengurangkan rasa ragu, rasa tekanan dan kemurungan kepada mangsa-mangsa bencana. Ini adalah kerana sewaktu berlaku bencana, mangsa-mangsa bencana berada di dalam keadaan cemas dan tidak pasti dengan maklumat yang ada pada mereka (Fritz & Williams, 1957). Oleh itu

sokongan dari segi perkongsian maklumat antara mangsa dapat membantu mereka membuat keputusan dalam usaha untuk menyelamatkan diri dan harta benda.

Berdasarkan kajian lampau dari konteks perkongsian maklumat, individu akan terdorong untuk berkongsi maklumat sekiranya mereka percaya maklumat yang dikongsi tersebut dapat mencapai sesuatu matlamat atau dapat memenuhi kepuasan mereka sendiri (Chiu et al., 2006; Hsu et al., 2007). Memahami kepentingan sokongan sosial semasa berlaku bencana, kajian ini percaya bahawa tingkah laku sokongan sosial ini menunjukkan komuniti sentiasa berhasrat untuk berkongsi maklumat dan pengalaman mereka dalam usaha untuk mengurangkan ketidakpastian berkaitan bencana. Oleh itu melalui perkongsian maklumat ini dapat membantu mereka dalam mengurangkan rasa ragu sewaktu bencana. Berdasarkan perbincangan di atas, faktor sokongan sosial adalah faktor penentu kepada niat perkongsian maklumat semasa berlakunya bencana.

H4. Niat perkongsian maklumat adalah dipengaruhi secara positif oleh pengiktirafan sosial.

Dapatan kajian lampau cenderung kepada memahami faktor yang menentukan niat seseorang itu dari segi pengiktirafan sosial (Maholtra & Galletta, 1998; Cabrera & Cabrera, 2002; Kankanhalli et al., 2005; Mathbor, 2007). Berdasarkan sorotan kajian di atas, kajian ini melihat bahawa pengiktirafan sosial merupakan antara faktor penentu niat perkongsian maklumat semasa berlaku bencana. Mathbor (2007) menjelaskan bahawa semasa bencana berlaku, sukarelawan merasa bersyukur di atas pengiktirafan sosial yang diberikan setelah segala usaha dan perkongsian maklumat

yang diberikan dalam membantu mangsa-mangsa bencana. Sukarelawan ini menunjukkan sikap komited kepada prinsip-prinsip asas kemanusiaan iaitu perkhidmatan secara sukarela, perpaduan dan kesejagatan. Di samping itu, tanpa niat pengiktirafan akan melemahkan individu dalam berkongsi maklumat (Riege, 2005). Oleh itu melalui pengiktirafan sosial ini, individu menganggap ianya sebagai sebuah penghormatan tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran. Dapat disimpulkan bahawa tanpa adanya pengiktirafan di atas usaha dan bantuan yang diberikan, seseorang individu itu akan tidak berminat untuk berkongsi maklumat. Berdasarkan perbincangan di atas, faktor pengiktirafan sosial adalah faktor penentu kepada niat perkongsian maklumat semasa berlakunya bencana.

2.8 Kesimpulan Bab Dua

Bab ini membincangkan konsep berkenaan faktor penentu tingkah laku perkongsian maklumat semasa berlaku bencana. Berdasarkan perbincangan, Teori kognitif sosial yang digunakan dilihat sesuai dalam membincangkan faktor penentu niat perkongsian maklumat. Kemudian, hipotesis kajian juga dibincangkan. Faktor seperti efikasi sendiri, resiprokal, sokongan sosial dan pengiktirafan sosial adalah penentu kepada niat perkongsian maklumat. Bab seterusnya akan membincangkan berkenaan metodologi, reka bentuk, dan pelaksanaan yang akan digunakan untuk memberi pemahaman yang jelas dalam menentukan faktor tingkah laku perkongsian maklumat ini.

BAB TIGA

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Objektif bab ini adalah untuk menerangkan metodologi yang akan digunakan dalam kajian ini. Pada empat permulaan subtopik pada bab ini akan membincangkan berkenaan kaedah metodologi yang digunakan; proses kajian yang akan dijalankan; pemboleh ubah kajian; dan instrumen pengukuran. Setelah itu kaedah menganalisis data menggunakan kaedah *Structural Equation Modeling* (SEM) akan diperjelaskan. Pada subtopik seterusnya, analisis akan dibincangkan untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan.

3.2 Metodologi Kajian


Metodologi boleh didefinisikan sebagai reka bentuk kajian yang bersistematik yang dapat membantu penyelidik menjawab persoalan kajian. Bagi memberi maksud yang lebih mudah metodologi adalah mengenai langkah-langkah yang diambil bagi menjawab segala persoalan kajian dan objektif kajian. Setiap pemilihan metodologi ini penting kerana ianya dapat memastikan kaedah pengumpulan data yang dijalankan bersesuaian dengan persoalan dan objektif kajian. Pemilihan metodologi ini juga dapat memberi kesan kepada kualiti penyelidikan (Creswell, 2009).

Bagi mengesahkan hipotesis kajian, pendekatan kuantitatif akan digunakan. Pelbagai kajian lampau (Hennessy & Patterson, 2012; Johnson & Christensen, 2010; Jones, 2013; McNeil, Frey & Embrechts, 2010; Punch, 2013) telah menunjukkan bahawa kaedah kuantitatif dapat memberikan bukti statistik dalam menyokong hipotesis.

Melalui kaedah kuantitatif ini ianya dapat menunjukkan kebolehpercayaan dan kesahan bagi setiap konstruk (Pinsonneault & Kraemer, 1993; Sraub & Gefen, 2005). Kebanyakan proses pengumpulan data dalam penyelidikan kuantitatif diperoleh dengan kaedah soal selidik (Easterby-Smith, Thorpe & Jackson, 2012). Teknik utama yang digunakan dalam soal selidik ini adalah dengan meminta responden untuk menjawab satu set soalan dan kemudian, segala jawapan yang diberikan oleh responden akan dianalisa (Fowler, 1993).

3.3 Proses Kajian

Kajian boleh didefinisikan sebagai sebuah proses carian dalam mendapatkan sesuatu maklumat berkenaan sesuatu topik. Ia melibatkan proses seperti pengumpulan data, mengenal pasti tujuan kajian, merumuskan hipotesis, mengumpul analisis, menilai data dan membuat kesimpulan dalam menentukan sama ada hipotesis yang dicadang dapat dibuktikan atau tidak (Sekaran, 2003). Rajah 3.1 menunjukkan gambaran keseluruhan proses kajian yang telah dijalankan dalam kajian ini.



Rajah 3.1. Proses kajian

Dalam kajian ini, proses kajian terbahagi kepada dua fasa, fasa pertama bermula dengan mengenal pasti apakah masalah kajian. Masalah kajian ini dapat dikenal pasti melalui sorotan kajian, di mana kajian ini adalah berkaitan niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir. Berdasarkan analisis kajian, didapati bahawa pemahaman yang lebih mendalam perlu dalam mengenal pasti faktor penentu niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa-mangsa semasa berlaku bencana. Berdasarkan kajian lampau perhatian diberikan terhadap dua isu iaitu: 1) mengenal pasti teori-teori yang sering digunakan bagi mengkaji niat individu; dan 2) mengenal pasti faktor-faktor penentu yang mempengaruhi niat perkongsian maklumat di dalam

konteks pengurusan bencana. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada kajian lampau, persoalan kajian, objektif kajian, model kajian dan hipotesis kajian dibentuk.

Seterusnya, pada fasa kedua reka bentuk kajian pula dibangunkan. Reka bentuk kajian ini dibangunkan dengan mengambil kira enam perkara asas sebagaimana yang dicadangkan oleh Sekaran (2003) iaitu: 1) tujuan kajian; 2) jenis kajian; 3) gangguan penyelidik; 4) penetapan kajian; 5) teknik analisis data dan 6) masa. Seterusnya, instrumen kajian dibangunkan dengan mengadaptasi item-item pengukuran yang diguna pakai dalam kajian-kajian lampau. Item-item ini akan diubah supaya ianya sesuai dengan konteks kajian ini.

Seterusnya, pengujian bagi menentukan kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) instrumen telah dijalankan. Kesahan telah memberi tumpuan kepada *content validity* dan *face validity*. *Content validity* ini telah dilakukan oleh pakar-pakar dalam bidang pengurusan maklumat dan sistem maklumat. Pakar-pakar ini telah melihat pada isu-isu seperti format, kefahaman soalan, masa yang diambil untuk menjawab soalan, dan isi kandungan soalan (Lewis, Templeton & Byrd, 2005; Simsek & Veiga, 2001). Manakala bagi *face validity*, soal selidik telah diberikan kepada pelajar-pelajar teknologi maklumat dan meminta mereka untuk memberi maklum balas dan cadangan. Jumlah pelajar bagi *face validity* ini adalah dalam jumlah yang kecil. Kemudian, kajian rintis (*pilot study*) untuk menguji kemampuan instrumen kajian dari sudut kesahan dan kebolehpercayaan telah dilakukan. Kajian rintis ini telah dilakukan kepada responden yang mempunyai latar belakang yang sama dengan responden kajian akhir. Jumlah responden yang terlibat dalam kajian

rintis ini adalah kecil. Kajian rintis ini telah dilakukan dengan mengikut prosedur fasa pengumpulan data yang sebenar.

Proses pengumpulan data bermula selepas kesahan dan kebolehpercayaan instrumen jelas dan tiada sebarang kesalahan. Kajian lapangan telah dijalankan kepada mangsa bencana banjir. Soal selidik ini telah diubah suai dari dapatan kajian lampau. Setelah soal selidik selesai dijalankan, dapatan kajian ini di analisis. Kajian ini telah menggunakan teknik analisa *Partial Least Square (PLS)* untuk tujuan menganalisis dapatan kajian yang telah diperoleh. Perisian SmartPLS 2.0 dan SPSS 19.0 telah digunakan sebagai perisian analisa untuk menilai model pengukuran dan berstruktur. Proses kajian ini diakhiri dengan interpretasi berdasarkan analisis dapatan kajian.

3.4 Pemboleh Ubah Kajian

Secara umumnya, pemboleh ubah bersandar bagi kajian ini adalah niat perkongsian maklumat mangsa banjir. Manakala pemboleh ubah bebas adalah efikasi sendiri, resiprokal, sokongan sosial dan pengiktirafan sosial.

3.5 Instrumen Pengukuran

Kesahan dan kebolehpercayaan bagi instrumen pengukuran telah diukur melalui pembangunan instrumen, kesahan kandungan dan kajian rintis. Subtopik seterusnya akan membincangkan bagaimana setiap teknik ini digunakan dalam kajian ini.

3.5.1 Pembangunan Instrumen

Jadual 3.1 menunjukkan sumber bagi item-item pengukuran yang digunakan bagi soal selidik dalam kajian ini. Instrumen kajian adalah berdasarkan kepada item-item pengukuran yang diubah suai daripada dapatan kajian lampau ke dalam konteks kajian ini. Instrumen ini diukur menggunakan skala likert di mana responden telah diminta untuk menandakan darjah setuju pada pernyataan skala 1 sehingga 7 (1= sangat tidak bersetuju dan 7= sangat bersetuju).

Jadual 3.1

Senarai item-item pengukuran

Konstruk	Item	Item rujukan	Kod	Sumber
1. Niat berkongsi maklumat	Saya ingin berkongsi maklumat berkenaan banjir di masa hadapan.	Saya ingin berkongsi pengetahuan saya dengan rakan-rakan saya pada masa akan datang.	BP1	Tohidinia dan Mosakhani (2010)
	Saya berkemungkinan akan berkongsi maklumat saya dengan mangsa banjir.	Saya berkemungkinan untuk berkongsi pengetahuan saya dengan rakan-rakan saya pada masa akan datang.	BP2	
	Saya akan cuba berkongsi maklumat saya dengan mangsa banjir.	Saya akan cuba untuk berkongsi pengetahuan saya dengan rakan-rakan saya.	BP3	
	Saya bercadang untuk berkongsi maklumat saya dengan mangsa-mangsa banjir.	Saya bercadang untuk berkongsi pengetahuan saya dengan rakan-rakan saya.	BP4	
2.Efikasi sendiri	Saya yakin dengan kemampuan saya untuk berkongsi maklumat penting kepada mangsa banjir.	Saya yakin dengan kemampuan saya untuk memberi pengetahuan saya yang berharga di	KD1	Lin (2007); Lin dan Huang (2008) Lin et al. (2009)

	Saya mempunyai maklumat yang diperlukan untuk membantu mangsa banjir.	dalam organisasi. Saya mempunyai kepakaran yang diperlukan dalam menyediakan pengetahuan yang berharga kepada organisasi.	KD2	
	Tahap kefahaman saya mengenai apa yang perlu dilakukan semasa banjir adalah tinggi.	Tahap pemahaman saya tentang apa yang perlu dilakukan semasa menggunakan KMSs adalah sangat tinggi .	KD3	
	Dengan maklumat yang ada, saya berkeyakinan untuk membantu mangsa banjir.	Perkongsian pengetahuan saya akan membantu individu lain menyelesaikan masalah mereka dalam organisasi.	KD4	
3.Resiprokal	Saya tahu mangsa banjir yang lain akan membantu saya sekiranya saya membantu mereka.	Saya tahu bahawa individu lain akan membantu saya jika saya melakukan sesuatu untuk mereka.	TB1	Suh dan Shin (2010)
	Saya percaya bahawa akan ada individu lain membantu saya sekiranya saya juga merupakan salah seorang mangsa banjir.	Saya percaya bahawa individu lain akan membantu saya jika saya berada dalam keadaan yang serupa.	TB2	
	Ia adalah adil untuk membantu mangsa banjir yang lain apabila mereka memerlukan pertolongan	Ia adalah adil untuk saya membantu individu lain apabila mereka memerlukan bantuan.	TB3	
	Saya percaya bahawa saya akan dibantu kembali di atas segala bantuan yang telah saya berikan kepada mangsa banjir yang lain.	Saya percaya bahawa saya akan dibalas kembali di atas bantuan yang saya berikan kepada individu lain.	TB4	
4.Sokongan sosial	Saya mendapat pelbagai nasihat dari mangsa banjir lain apabila saya berkongsi maklumat dengan mereka.	Saya menerima banyak nasihat peribadi dari individu lain dalam talian menggunakan IM.	SS1	Lin (2007)
	Saya mendapat pelbagai maklumat berkenaan banjir dari mangsa banjir lain apabila saya	saya memperoleh pelbagai maklumat daripada individu lain dalam talian	SS2	

	berkongsi maklumat.	menggunakan IM.		
	Saya mendapat pelbagai bantuan dari mangsa banjir lain apabila saya berkongsi maklumat dengan mereka	Saya mendapat bantuan yang mencukupi daripada individu lain dalam talian menggunakan IM.	SS3	
	Saya dapat berbincang dengan mangsa banjir lain dalam menangani masalah banjir apabila saya berkongsi maklumat.	Saya dapat berbincang dengan individu lain dalam talian menggunakan IM.	SS4	
5.Pengiktirafan sosial	Saya berupaya meningkatkan reputasi saya di kalangan mangsa banjir apabila saya berkongsi maklumat.	Mengambil bahagian dalam aktiviti blog akan meningkatkan reputasi saya dalam blog.	PS1	Hsu dan Lin (2007); Papadopoulos et al. (2013); Zhou (2011).
	Saya berupaya meningkatkan status saya di kalangan mangsa banjir apabila saya berkongsi maklumat.	Mengambil bahagian dalam aktiviti blog akan meningkatkan status saya dalam blog.	PS2	
	Saya berupaya meningkatkan imej saya di kalangan mangsa banjir apabila saya berkongsi maklumat.	Imej saya boleh mewakili imej kumpulan.	PS3	
	Saya akan dilihat sebagai orang penting dan berpengaruh di kalangan mangsa banjir apabila saya berkongsi maklumat.	Saya seorang ahli berpengaruh dalam masyarakat.	PS4	

3.5.2 Kesahan

Kesahan terbahagi kepada dua iaitu *content validity* (kesahan kandungan) dan *face validity*. Objektif utama kesahan kandungan dijalankan adalah untuk menilai secara menyeluruh sama ada mekanisma soalan soal selidik adalah lengkap dan mencukupi (Field, 2009; Moore & Benbasat, 1991). Kesahan kandungan juga adalah untuk melihat dari segi kebolegunaan (Pinsonneault & Kraemer, 1993). Selain itu,

kesahan kandungan adalah sebuah proses untuk melihat kesesuaian setiap instrumen soal selidik tersebut bagi mengukur konstruk (Lewis et al., 2005; Straub, 1989).

Bagi menilai kesahan kandungan ini, responden diminta untuk menjawab soalan soal selidik dan seterusnya memberi komen mereka pada isu-isu seperti format, kefahaman soalan, masa yang diambil untuk menjawab soalan dan isi kandungan soalan (Lewis et al., 2005; Simsek & Veiga, 2001). Merujuk kepada Bryman dan Bell (2007), kesahan kandungan merupakan satu proses yang penting kerana ianya dapat membantu penyelidik dalam memberi kefahaman berkenaan kedudukan soalan; meningkatkan kefahaman instrumen; dan membantu penyelidik untuk memeriksa isi kandungan arahan yang akan diberikan kepada responden. Bagi menjalankan pra-ujian soal-selidik ini, responden yang dipilih adalah merupakan responden sasaran (Cavana, Delahaye & Sekaran, 2001).

Bagi kajian ini, tiga orang pakar bidang pengurusan maklumat diminta untuk menjawab soal-selidik dan kemudian memberi maklum balas dan pendapat berkenaan soal selidik tersebut. Tiga orang pakar ini adalah merupakan pensyarah teknologi maklumat yang mempunyai kemahiran dalam bidang pengurusan maklumat dan kaedah penyelidikan. Mereka telah diminta untuk memberi pendapat dari segi reka bentuk soal selidik dan kesesuaian soalan bagi setiap konstruk, iaitu soalan berkenaan penentu niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir. Ianya telah dianggarkan selama lima hingga tujuh minit masa yang diambil oleh pakar-pakar tersebut dalam menjawab soalan. Maklum balas yang diterima termasuklah pembetulan ejaan; menyusun semula soalan-soalan; dan memberi cadangan dalam penambahbaikan soalan. Hasil dari maklum balas tersebut

sebanyak lima belas pembetulan ejaan yang telah dibuat; ada soalan yang dikeluarkan serta soalan baru yang ditambah; dan satu soalan demografik ditambah.

Kemudian bagi *face validity*, seramai lima belas orang pelajar teknologi maklumat diminta untuk menjawab soal-selidik ini. Secara keseluruhan sebanyak 54 peratus merupakan pelajar ijazah sarjana dan sebanyak 46 peratus merupakan pelajar ijazah sarjana muda. 67 peratus daripada pelajar berumur antara 20 hingga 25 tahun dan sebanyak 33 peratus pelajar yang berumur antara 26 hingga 31 tahun. Semasa sesi *face validity* ini, pelajar telah diterangkan tujuan *face validity* ini dilakukan. *Face validity* ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kefahaman pelajar tentang soalan-soalan yang diajukan; dan juga melihat dari segi isu-isu reka bentuk soal selidik. Pada akhir sesi *face validity*, pelajar diminta untuk memberi pandangan mereka berkenaan soal-selidik tersebut. Berdasarkan pandangan dan komen pelajar, beberapa perubahan telah dibuat pada bahagian arahan soal selidik. Perubahan dari segi struktur ayat telah dilakukan agar responden benar-benar faham dengan setiap arahan di dalam soal selidik. Penyusunan muka surat juga ditambah baikkan. Menurut komen yang diberikan, soalan seeloknya disusun menjadi dua muka surat sahaja berbanding tiga muka surat pada asalnya.

3.5.3 Kajian Rintis

Setelah kesahan kandungan selesai dilaksanakan, fasa seterusnya adalah kajian rintis (Hinkin, 1998). Tujuan utama kajian rintis adalah untuk menguji kebolehpercayaan skala yang digunakan dalam kajian ini, di mana ianya mengesan masalah-masalah yang wujud berkaitan reka bentuk soal selidik pada sampel sasaran yang sama.

(Field, 2009; Lewis et al, 2005). Merujuk kepada Hinkin (1998), kajian rintis ini perlu dilakukan kepada responden yang mempunyai latar belakang yang sama dengan responden kajian akhir.

Kajian rintis ini telah dijalankan pada bulan Mac 2014 di Pasir Mas, Kelantan. Seramai 30 orang responden yang terlibat dalam kajian rintis ini. Responden yang terlibat adalah mereka yang pernah terlibat dengan bencana banjir. Penyelidik telah pergi ke setiap rumah dan menerangkan sebab mengapa kajian rintis ini dijalankan. Maklum balas yang diberikan oleh responden adalah amat baik. Hasil keputusan menunjukkan para responden tidak mempunyai masalah dalam memahami arahan dan soalan soal selidik yang diberikan. *Cronbach Alpha* bagi kajian rintis ini adalah sebanyak 0.938.

3.6 Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan data dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah soal selidik. Ary, Jacob, Razarieh dan Sorensen (2006) menjelaskan bahawa terdapat kelebihan menggunakan kaedah soal selidik. Jadual 3.2 menunjukkan kelebihan menggunakan teknik soal selidik.

Jadual 3.2

Kelebihan soal selidik

Kelebihan	Penerangan
1. Responden dapat mengambil masa dalam menjawab borang soal selidik.	Responden dapat mengambil masa dalam menjawab soal selidik yang diterima, dan melalui masa yang diperoleh, responden dapat memberi maklum balas yang lebih baik ke atas kajian.

2. Menjimatkan kos dan masa. Melalui teknik ini, kajian dapat dijalankan ke atas sebilangan besar individu. Oleh itu, kos soal selidik lebih murah dan menjimatkan masa.
3. Liputan lebih luas. Oleh kerana soal selidik yang dijalankan menggunakan kaedah pos, liputan responden adalah lebih luas.
-

3.6.1 Responden Kajian

Bagi kajian ini, responden kajian adalah terdiri daripada mangsa-mangsa banjir di Rantau Panjang, Kelantan. Maklumat mangsa-mangsa banjir ini telah diperoleh daripada JKM. JKM merupakan sebuah agensi kerajaan yang menjalankan tugas seperti menyediakan pusat pemindahan, menyediakan makanan dan menjalankan pendaftaran mangsa-mangsa banjir.

Melalui maklumat pendaftaran mangsa-mangsa banjir yang diperoleh dari pihak JKM ini. Kemudian, soal selidik ini telah dihantar melalui penghantaran pos kepada responden-responden yang berada di sekitar Rantau Panjang, Kelantan. Responden-responden ini dipilih oleh kerana pengalaman mereka yang mengalami banjir pada setiap tahun. Ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh dari JKM yang menyatakan bahawa dari tahun 2009 sehingga 2013 (rujuk jadual 3.3), penduduk Rantau Panjang adalah antara penduduk yang terjejas teruk akibat bencana banjir.

Jadual 3.3

Bilangan mangsa di daerah Rantau Panjang

Tahun	Bil. pusat pemindahan	Bil. Keluarga	Bil. Mangsa
-------	-----------------------	---------------	-------------

2013	13	1133	3305
2012	13	1109	3340
2011	13	995	3000
2010	13	975	2830
2009	13	980	2940

3.6.2 Format Soalan Soal Selidik

Terdapat dua bahagian dalam soal selidik. Bahagian pertama adalah soalan demografik bagi tujuan statistik. Soalan-soalan adalah seperti umur, jantina, tahap pendidikan dan pekerjaan. Pada bahagian ini juga terdapat satu soalan yang diajukan (*filtering question*) bagi memastikan hanya responden yang mempunyai pengalaman berkongsi maklumat sahaja yang akan diambil kira sebagai responden kajian. Ini juga bagi memastikan soal selidik dijawab oleh responden yang tepat. Soalan tersebut adalah “Pernahkah anda berkongsi maklumat berkaitan banjir?”. Sekiranya responden menjawab tidak, responden akan diarahkan untuk mengisi maklumat demografik sahaja dan tidak perlu menjawab soal selidik yang diberikan. Manakala bagi responden yang menjawab ya, responden akan meneruskan untuk menjawab soal selidik yang diberikan.

Pada bahagian kedua, soalan berkenaan faktor penentu niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir diajukan. Responden diminta untuk menandakan darjah setuju pada pernyataan skala 1 sehingga 7 (1= sangat tidak bersetuju dan 7= sangat bersetuju). Terdapat dua puluh soalan berkaitan faktor perkongsian maklumat.

3.6.3 Reka bentuk Pensampelan

Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan tujuan (*purposive sampling*). Kaedah pensampelan tujuan digunakan apabila sesebuah kajian akan memilih sampel-sampel tertentu dari sebuah populasi. Ringkasnya, responden yang dipilih adalah responden yang boleh memberikan maklumat atau pengalaman yang diperlukan dalam sesebuah kajian (Bernard, 2002; Lewis & Sheppard, 2006).

Bagi konteks kajian ini, kajian telah mendapatkan senarai maklumat mangsa banjir Rantau Panjang untuk tahun 2012 dari pihak JKM. Senarai maklumat tersebut terdiri daripada nama, nombor kad pengenalan dan alamat mangsa. Kajian ini telah mengenal pasti bahawa terdapat lebih 1109 jumlah bilangan keluarga mangsa banjir, namun hanya 440 maklumat sahaja yang boleh digunakan. Ini adalah disebabkan faktor alamat mangsa banjir yang tidak lengkap.

3.7 Analisis Data

Kajian ini telah menggunakan teknik analisis *Structural Equation Modeling* (SEM) (Hair, Anderson, Tatham & Black, 1998; Maruyama, 1998). SEM dipilih kerana keupayaannya untuk menguji hubungan antara konstruk secara serentak (Joreskog & Sorbom, 1996). SEM adalah sebuah metodologi yang mengambil pendekatan pengesahan (*hypothesis testing*) untuk analisis teori kajian (Marcoulides & Schumacker, 2001).

Bagi menganalisa data yang telah dikumpul, kajian ini telah menggunakan teknik analisa *partial least square* (PLS-SEM). PLS-SEM adalah merupakan salah satu cabang di dalam analisis SEM yang memberi fokus kepada teknik analisis secara

berkelompok. PLS-SEM dipilih kerana fokus teknik analisis ini adalah untuk menguji perhubungan hipotesis di dalam model kajian (Ringle, Wende & Will, 2005). Selain itu, teknik analisis PLS membenarkan analisis data melibatkan saiz sampel yang minimum. Berdasarkan Ho (2006) dan Kline (2005) membincangkan bahawa minimum ratio yang baik adalah 10 sampel setiap pembolehubah manakala Simon (2000) pula menyatakan sekurang-kurangnya 5 sampel diperlukan bagi setiap pembolehubah. Bagi kajian ini melibatkan saiz sampel yang minimum iaitu sekurang-kurang 5 kali ganda dengan konstruk di dalam model. Selain itu, PLS-SEM ini sesuai dalam membuat ramalan hipotesis, terutamanya dalam bidang yang masih kurang stabil. Seperti yang dinyatakan pada bab sebelum ini, matlamat utama kajian ini adalah untuk meramalkan faktor penentu niat perkongsian maklumat dalam konteks pengurusan bencana. Oleh itu, PLS dilihat sebagai sesuai untuk digunakan sebagai teknik analisis data bagi kajian ini. Bagi tujuan analisis perisian Smart PLS 3.0 digunakan sebagai perisian analisa untuk menilai model pengukuran dan berstruktur. Bagi menganalisa data demografik, perisian SPSS versi 19.0 digunakan.

3.8 Mengkaji Model Pengukuran dan Model Berstruktur di dalam PLS

Bagi kajian ini, model kajian ini dinilai melalui dua proses iaitu penilaian model pengukuran dan penilaian model berstruktur (Anderson & Gerbing, 1988; Hair et al., 1998; McDonald & Ho, 2002). Sub topik seterusnya akan menerangkan garis panduan dalam menilai model pengukuran dan model berstruktur ini.

3.8.1 Model Pengukuran

Kualiti model pengukuran diukur berdasarkan kepada empat penilaian iaitu ketekalan dalaman (*internal consistency*), kebolehpercayaan penunjuk (*indicator reliability*), kesahan tumpu (*convergent validity*) dan kesahan diskriminan (*discriminant validity*) (Henseler, Ringleand & Sinkovics, 2009). Sub topik seterusnya akan membincangkan empat penilaian tersebut.

3.8.1.1 Ketekalan Dalaman (*Internal Consistency*)

Untuk kajian ini, ketekalan dalaman (*internal consistency*) untuk model pengukuran ditentukan melalui pengukuran nilai *composite reliability* (CR). Panduan bagi mengukur ketekalan dalaman (*internal consistency*) adalah melalui tiga panduan iaitu bagi memastikan ketekalan dalaman (*internal consistency*) berada pada tahap memuaskan, nilai CR perlulah sekurang-kurangnya 0.7 pada peringkat awal kajian; nilai lebih dari 0.8 dan 0.9 pada peringkat kajian lanjutan. Manakala nilai bawah 0.6 menunjukkan kurang kebolehpercayaan (Nunnally & Bernstein, 1994).

3.8.1.2 Kebolehpercayaan Penunjuk (*Indicator Reliability*)

Bagi menilai kebolehpercayaan penunjuk (*indicator reliability*), kajian ini telah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh PLS-SEM. Merujuk kepada Chin (1998b), penunjuk muatan (*item loading*) harus lebih besar dari 0.7 dan harus signifikan pada peringkat aras keyakinan sekurang-kurangnya 0.05.

3.8.1.3 Kesahan Tumpu (*Convergent Validity*)

Kesahan tumpu (*convergent validity*) merujuk kepada sejauh mana tumpuan konstruk diukur antara konstruk yang berbeza (Bagozzi & Yi, 1988). Kesahan tumpu (*convergent validity*) ini diukur melalui nilai *Average Variance Extracted* (AVE) (Hair et al., 1998). Kesahan tumpu (*convergent validity*) adalah memuaskan apabila nilai AVE melebihi dari 0.50 (Chin, 2003; Fornell & Bookstein, 1982; Fornell & Larcker, 1981).

3.8.1.4 Kesahan Diskriminan (*Discriminant validity*)

Kesahan diskriminan (*discriminant validity*) dalam model pengukuran diguna untuk membezakan pengukuran konstruk antara satu sama lain. Berbeza dengan kesahan tumpu (*convergent validity*), kesahan diskriminan (*discriminant validity*) adalah untuk menguji sama ada item yang tidak sengaja mengukur item yang lain (Urbach & Ahlemann, 2010).

Kesahan diskriminan (*discriminant validity*) diukur melalui dua pengukuran iaitu muatan silang (*cross loading*) dan kriteria Fornell & Larcker (Fornell & Bookstein 1982; Fornell & Larcker, 1981). Pengukuran bagi muatan silang (*cross loading*) adalah *item loading* bagi setiap penunjuk adalah lebih besar dari setiap konstruk yang telah ditetapkan. Manakala bagi kriteria Fornell & Larcker, nilai punca kuasa dua AVE (*square root of the AVE*) bagi setiap konstruk perlu lebih besar dari kolerasi antara konstruk dan juga pada konstruk yang lain. Jadual 3.4 menyenaraikan jenis-jenis ujian kesahan dan panduan bagi menilai model pengukuran kajian ini.

Jadual 3.4

Ringkasan jenis kesahan dan panduan menilai model pengukuran

Jenis kesahan	Kriteria	Panduan
1. Ketekalan dalaman (<i>internal consistency</i>)	CR	CR > 0.7 (untuk kajian teroka) CR > 0.8 (untuk kajian lanjutan) CR < 0.6 kurang kebolehpercayaan.
2. Kebolehpercayaan penunjuk (<i>indicator reliability</i>).	penunjuk muatan (<i>indicator loadings</i>)	<i>Item loading</i> > 0.7 dan perlu signifikan (sekurang-kurangnya 0.05).
3. Kesahan tumpu (<i>convergent validity</i>)	AVE	AVE > 0.50
4. Kesahan diskriminan (<i>discriminat validity</i>)	muatan silang (<i>cross loading</i>) Fornell dan Larcker	<i>Item loading</i> bagi setiap penunjuk adalah lebih besar dari setiap konstruk yang telah ditetapkan. Nilai punca kuasa dua AVE (square root of the AVE) bagi setiap konstruk perlu lebih besar dari kolerasi antara konstruk dan juga pada konstruk yang lain.



Universiti Utara Malaysia

3.8.2 Model Berstruktur

Pengesahan model berstruktur ini dapat membantu penyelidik untuk menilai secara sistematik sama ada hipotesis disokong oleh data ataupun tidak (Urbach & Ahlemann, 2010). Model berstruktur ini akan dianalisa setelah model pengukuran disahkan. Kriteria asas untuk menilai model berstruktur dan hipotesis ini adalah dengan menilai *coefficient of determination* (R^2) bagi pemboleh ubah terpendam (*latent variables*); dan juga anggaran bagi *path coefficient* (Wixom & Todd, 2005).

Bagi menilai *coefficient of determination* (R^2), Chin (1998b) membincangkan bahawa panduan dalam menilai R^2 di dalam model berstruktur terbahagi kepada tiga iaitu tinggi - 0.67; sederhana - 0.333; dan lemah - 0.190.

Seterusnya, langkah bagi menilai model berstruktur adalah dengan menilai *path coefficients*. Merujuk kepada Huber, Mayer, Vogel dan Vollhardt (2007), panduan bagi menilai *path coefficients* adalah *path coefficient* perlu sekurang-kurangnya mempunyai nilai beta (β) 0.100 dan perlu signifikan sekurang-kurangnya pada aras keyakinan 0.05. Jadual 3.5 merumuskan jenis kesahan dan panduan menilai model berstruktur.

Jadual 3.5

Ringkasan jenis kesahan dan panduan menilai model berstruktur

Jenis Kesahan	Kriteria	Panduan
Model Kesahan	<i>Coefficient of determination</i> (R^2)	0.67 - tinggi 0.333 - sederhana 0.190 - lemah
	<i>Path coefficients</i>	<i>Path coefficient</i> perlu sekurang-kurangnya mempunyai nilai beta (β) 0.100 dan perlu signifikan sekurang-kurangnya pada aras keyakinan 0.05.

3.9 Kesimpulan Bab Tiga

Bab ini menerangkan berkenaan proses kajian dan metodologi yang telah digunakan dalam kajian ini. Kajian ini telah menggunakan kaedah pendekatan kuantitatif. Bagi tujuan pengumpulan data, teknik soal selidik telah digunakan manakala teknik pensampelan adalah secara rawak. Data kajian ini akan dianalisa menggunakan kaedah PLS-SEM. Kaedah untuk membangunkan instrumen dibincangkan pada bab

ini. Ianya melibatkan pra ujian dan kajian rintis. Pengkajian berkenaan model pengukuran dan model berstruktur telah dijelaskan. Bab seterusnya akan membincangkan penemuan dari segi model pengukuran dan model berstruktur akan dibincangkan.



BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan berkenaan analisis data dan dapatan kajian bagi kajian ini. Pada permulaan bab akan membincangkan berkenaan keputusan awal untuk kajian akhir. Bab seterusnya akan menilai kesahan dan kebolehpercayaan bagi model pengukuran. Terdapat empat jenis analisa bagi menilai model pengukuran. Setelah model pengukuran selesai dianalisis, model berstruktur pula akan dianalisis. Bagi model berstruktur ini pula, terdapat dua analisa akan dijalankan. Segala keputusan bagi model pengukuran dan model berstruktur akan dijelaskan pada bab ini. Seterusnya hasil keputusan hipotesis akan dibincangkan. Bab ini akan diakhiri dengan kesimpulan.

4.2 Kajian Akhir

Soal selidik ini telah diedarkan selama sebulan iaitu bermula dari 1 April 2014 sehingga 30 April 2014. Senarai maklumat mangsa banjir diperoleh dari pihak JKM. Terdapat sebanyak 1109 senarai bilangan keluarga mangsa banjir yang telah di kenal pasti. Namun sebanyak 440 senarai bilangan keluarga mangsa banjir sahaja yang dapat dijadikan sebagai responden soal selidik. Kemudian 440 borang soal selidik ini telah diposkan kepada responden. Pada setiap penghantaran surat akan disertakan satu set soalan soal-selidik. Selain itu juga, sampul surat bertampal setem 60 sen dan telah ditulis alamat penyelidik turut disertakan bagi memudahkan responden untuk menghantar kembali borang soal selidik yang telah lengkap diisi.

4.2.1 Penyediaan Data

Hasil dari 440 borang soal selidik yang telah diposkan, didapati sebanyak 176 borang soal selidik sahaja yang dipulangkan oleh responden. Namun begitu, setelah di analisis, sebanyak 68 borang soal selidik tidak dapat digunakan. Ini adalah disebabkan 1) responden tidak mempunyai pengalaman berkongsi maklumat semasa banjir (terdapat responden yang memberikan jawapan tidak pernah berkongsi maklumat ketika banjir); 2) Responden memberi jawapan yang sama pada setiap soalan, sebagai contoh, responden memberi jawapan 7 pada setiap soalan yang diberikan. Oleh itu hanya 108 sahaja soal selidik yang dapat digunakan.

4.2.2 Statistik Demografik Responden

Hasil daripada analisa yang dijalankan, majoriti responden adalah perempuan iaitu sebanyak 65.7 peratus berbanding responden lelaki iaitu sebanyak 34.3 peratus. Majoriti responden adalah berumur antara 31 hingga 40 tahun iaitu sebanyak 28.7 peratus. Manakala peratus umur responden yang lain adalah kurang dari 20 tahun sebanyak 13.0 peratus; berumur 21 sehingga 30 tahun adalah sebanyak 26.9 peratus; berumur 41 sehingga 50 tahun adalah sebanyak 16.6 peratus; dan responden berumur 50 tahun ke atas adalah sebanyak 14.8 peratus.

Manakala majoriti latar belakang pendidikan responden adalah Sijil Penilaian Menengah (SPM) iaitu 47.2 peratus. Kategori lain bagi latar pendidikan responden adalah Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang mencatatkan sebanyak 13.0 peratus; Sijil Tinggi Penilaian Menengah (STPM)/diploma mencatatkan sebanyak 23.1 peratus; dan ijazah mencatatkan sebanyak 13.0 peratus.

Seterusnya, pekerjaan responden pula menunjukkan penjawat awam sebagai majoriti tertinggi iaitu sebanyak 30.6 peratus. Ini diikuti responden yang bekerja sendiri dengan menunjukkan sebanyak 23.1 peratus; suri rumah sebanyak 19.4 peratus dan pekerja swasta yang menunjukkan peratusan sebanyak 15.8 peratus. Peratusan terendah adalah pelajar iaitu sebanyak 11.1 peratus.

Maklumat demografik terakhir melaporkan bahawa sebanyak 69.4 peratus responden yang kurang dari 10 kali telah terlibat di dalam banjir. Di samping itu, maklumat demografik turut melaporkan bahawa 11 sehingga 20 kali responden yang terlibat dengan banjir adalah sebanyak 9.26 peratus; 21 sehingga 30 kali adalah sebanyak 17.64 peratus; dan lebih dari 31 kali responden yang terlibat dengan banjir adalah sebanyak 3.7 peratus. Jadual 4.1 menunjukkan maklumat demografik.

Jadual 4.1

Senarai maklumat demografik

Demografik	N=108	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	37	34.3
Perempuan	71	65.7
Umur		
Kurang dari 20	14	13.0
21-30	29	26.9
31-40	31	28.7
41-50	18	16.6
50 Ke atas	16	14.8
Pendidikan		
Masih belajar	4	3.7
PMR	14	13.0
SPM	51	47.2
STPM/Diploma	25	23.1
Ijazah	14	13.0

Pekerjaan

Pelajar	12	11.1
Bekerja sendiri	25	23.1
Penjawat awam	33	30.6
Pekerja Swasta	17	15.8
Suri Rumah	21	19.4

Berapa kali terlibat dengan banjir?

Kurang dari 10 kali	75	69.4
11-20 kali	10	9.26
21-30 kali	19	17.64
31 kali ke atas	4	3.7

4.2.3 Dapatan Bagi Jenis Maklumat yang Dikongsi Ketika Berlaku Bencana

Sorotan kajian mendapati pelbagai jenis maklumat yang dikongsi ketika berlaku bencana contohnya maklumat bantuan keperluan asas; maklumat lokasi bantuan/tempat perlindungan; maklumat bantuan kesihatan/perubatan; maklumat bantuan kaunseling; maklumat tentang keselamatan /perlindungan diri dan maklumat berkaitan pusat pemindahan.

Hasil dari soal selidik yang dijalankan kepada responden melaporkan bahawa sebanyak 31.48 peratus iaitu maklumat berkenaan pusat pemindahan adalah merupakan jenis maklumat yang paling kerap dikongsi oleh mangsa bencana. Seterusnya maklumat berkaitan maklumat lokasi bantuan/tempat perlindungan mencatatkan sebanyak 29.63 peratus. Nilai peratusan menunjukkan sebanyak 21.29 peratus adalah merupakan maklumat tentang keselamatan/perlindungan diri. Manakala bagi maklumat bantuan keperluan asas adalah sebanyak 12.97 peratus. Sebanyak 4.63 peratus sahaja jenis maklumat berkaitan bantuan kesihatan/perubatan yang dikongsi oleh mangsa bencana. Hasil dapatan kajian ini selari dengan

perbincangan kajian-kajian lampau (Dyregov, 1989; Sobel & Lesson, 2007; Zhang et al., 2002). Akhir sekali tiada sebarang nilai peratusan yang mencatatkan berkenaan maklumat bantuan kaunseling. Jadual 4.2 menunjukkan statistik bagi jenis maklumat yang dikongsi oleh mangsa bencana.

Jadual 4.2

Jenis maklumat yang Dikongsi Ketika Berlaku Bencana

Jenis Maklumat	Bilangan Responden	Peratus (%)
Maklumat bantuan keperluan asas	14	12.97
Maklumat lokasi/tempat perlindungan	32	29.63
Maklumat pusat pemindahan	34	31.48
Maklumat bantuan kesihatan/perubatan	5	4.63
Maklumat bantuan kaunseling	0	0
Maklumat keselamatan/perindungan diri	23	21.29

4.3 Model Pengukuran

Kebolehpercayaan dan kesahan model pengukuran ini dinilai melalui empat analisa iaitu 1) ketekalan dalaman (*internal consistency*); 2) kebolehpercayaan penunjuk (*indicator reliability*); 3) kesahan tumpu (*convergent validity*); dan 4) kesahan diskriminan (*discriminant validity*). Subtopik berikutnya akan membincangkan berkenaan keputusan analisis bagi setiap kesahan dan kebolehpercayaan model pengukuran dalam kajian ini.

4.3.1 Ketekalan Dalaman (*Internal Consistency*)

Model pengukuran bagi ketekalan dalaman (*internal consistency*) adalah memuaskan apabila nilai CR adalah lebih besar dari 0.7. Jadual 4.3 menunjukkan bahawa nilai CR bagi konstruk dalam kajian ini adalah di antara 0.8668 hingga 0.9066. Ini

menunjukkan bahawa nilai CR melebihi 0.7 dan ketekalan dalaman (*internal consistency*) bagi kajian ini adalah memuaskan.

Jadual 4.3

Senarai CR dan item loading

Konstruk	Item	Loading	T-Statistik	CR
Niat berkongsi maklumat	BP1	0.776	8.814	0.8700
	BP2	0.642	5.090	
	BP3	0.878	27.551	
	BP4	0.855	20.924	
Efikasi sendiri	KD1	0.839	24.275	0.8692
	KD2	0.831	13.435	
	KD3	0.717	7.155	
	KD4	0.770	13.094	
Resiprokal	TB1	0.807	9.645	0.8668
	TB2	0.854	13.148	
	TB3	0.773	10.170	
	TB4	0.710	6.131	
Sokongan sosial	SS1	0.814	23.755	0.8686
	SS2	0.837	12.489	
	SS3	0.656	6.141	
	SS4	0.841	22.694	
Pengiktirafan sosial	PS1	0.820	13.460	0.9066
	PS2	0.852	16.353	
	PS3	0.845	18.030	
	PS4	0.849	19.504	

4.3.2 Kebolehpercayaan Penunjuk (*Indicator Reliability*)

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa *item loading* bagi konstruk dalam kajian ini adalah di antara 0.642 hingga 0.878. Ini menunjukkan bahawa nilai *item loading* melebihi 0.7 dan semuanya signifikan pada aras keyakinan 0.0001. Oleh itu, kebolehpercayaan penunjuk (*indicator reliability*) bagi kajian ini adalah memuaskan.

4.3.3 Kesahan Tumpu (*Convergent Validity*)

Kesahan tumpu (*convergent validity*) dinilai melalui nilai AVE. Bagi menilai kesahan tumpu (*convergent validity*) ini, nilai AVE untuk setiap konstruk perlu melebihi 0.50. Jadual 4.4 menunjukkan bahawa nilai AVE bagi setiap konstruk adalah di antara 0.6205 hingga 0.7082. Ini menunjukkan nilai AVE bagi setiap konstruk di dalam kajian ini adalah melebihi 0.50 dan kesahan tumpu (*convergent validity*) bagi kajian ini juga memuaskan.

Jadual 4.4

Senarai AVE

Konstruk	AVE
Niat berkongsi maklumat	0.6291
Efikasi sendiri	0.6253
Resiprokal	0.6205
Sokongan sosial	0.6252
Pengiktirafan sosial	0.7082

4.3.4 Kesahan Diskriminan (*Discriminant Validity*)

Kesahan diskriminan (*discriminant validity*) diukur melalui dua pengukuran iaitu 1) muatan silang (*cross loading*); dan 2) kriteria *Fornell dan Larcker*. Bagi mengukur

muatan silang (*cross loading*), *item loading* bagi setiap penunjuk perlu lebih besar dari setiap konstruk yang telah ditetapkan. Jadual 4.5 menunjukkan muatan silang (*cross loading*) antara setiap konstruk dan juga penunjuk. Dalam jadual ini menerangkan bahawa setiap penunjuk adalah lebih besar dari setiap konstruk yang telah ditetapkan. Jadual ini juga menjelaskan bahawa nilai muatan adalah lebih besar berbanding setiap kolom dan baris. Oleh itu, pengukuran muatan silang (*cross loading*) bagi kesahan diskriminan (*discriminant validity*) adalah dapat dicapai.

Jadual 4.5

Muatan silang (cross loading)

	BP	KD	PS	SS	TB
BP1	0.7757	0.5174	0.2734	0.5507	0.3058
BP2	0.6421	0.1414	0.4568	0.2515	0.0950
BP3	0.8783	0.4956	0.4535	0.5028	0.3191
BP4	0.8549	0.4312	0.5415	0.4811	0.3134
KD1	0.4747	0.8388	0.2056	0.5498	0.4054
KD2	0.4068	0.8309	0.3243	0.3575	0.2868
KD3	0.3812	0.7168	0.3431	0.4112	0.5514
KD4	0.3830	0.7703	0.3175	0.4466	0.3245
PS1	0.4468	0.2134	0.8205	0.4246	0.2321
PS2	0.4777	0.3465	0.8520	0.4150	0.4806
PS3	0.3186	0.2935	0.8447	0.3680	0.3301
PS4	0.5190	0.3730	0.8487	0.3681	0.2746
SS1	0.4861	0.4979	0.2334	0.8140	0.3494
SS2	0.4719	0.4088	0.4057	0.8370	0.3020
SS3	0.2639	0.3721	0.5639	0.6556	0.4686
SS4	0.5398	0.4908	0.3925	0.8415	0.4112
TB1	0.2220	0.3770	0.4241	0.3515	0.8074
TB2	0.2889	0.3691	0.2945	0.4232	0.8538
TB3	0.3334	0.4360	0.2164	0.3423	0.7729

TB4	0.1884	0.3584	0.3648	0.3443	0.7097
-----	--------	--------	--------	--------	---------------

Manakala bagi mengukur kriteria *Fornell* dan *Larcker*, nilai punca kuasa dua AVE (*square root value of the AVE*) dalam setiap konstruk perlu lebih besar daripada nilai kolerasi antara konstruk (*inter correlations*) dalam model. Jadual 4.6 menunjukkan nombor yang ditebalkan adalah merupakan nilai punca kuasa dua AVE. Analisis telah menunjukkan bahawa nilai punca kuasa dua AVE (*square root value of the AVE*) dalam setiap konstruk lebih besar daripada nilai kolerasi antara (*inter correlation*) konstruk. Oleh itu kriteria untuk kesahan diskriminan adalah memenuhi keperluan yang ditetapkan.

Jadual 4.6


Inter correlation matrik dan AVE square root values

Item	BP	KD	PS	SS	TB
BP	0.7932				
KD	0.5234	0.7908			
PS	0.5385	0.3694	0.8415		
SS	0.5784	0.5629	0.4694	0.7907	
TB	0.3419	0.4934	0.3917	0.4641	0.7877

4.4 Model Berstruktur

Model berstruktur dinilai melalui dua pengukuran iaitu nilai: 1) *Coefficient of determination* (R^2); dan 2) *Path coefficients*. Bagi mengukur R^2 , nilai R^2 sekitar 0.67 dianggap tinggi, nilai R^2 sekitar 0.33 dianggap sederhana dan nilai R^2 sekitar 0.19 dianggap lemah. Oleh itu nilai R^2 yang lebih besar dapat meningkatkan lagi keupayaan dalam meramal model berstruktur. Bagi mendapatkan nilai R^2 ini, fungsi PLS algorithm di dalam perisian Smart PLS digunakan. Rajah 4.1 menunjukkan

hasil keputusan bagi model berstruktur. Analisis data menunjukkan bahawa jumlah signifikan bagi varian pemboleh ubah bersandar (R^2) adalah sebanyak 0.4671. Ini menunjukkan nilai R^2 terhadap niat berkongsi maklumat adalah sederhana.



Rajah 4.1. Hasil keputusan bagi model berstruktur

Melalui model berstruktur, setiap hubungan bagi *path coefficient* menjelaskan hipotesis. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, kajian ini dapat mengetahui sama ada hipotesis kajian disokong atau tidak disokong. Melalui analisis ini juga, ianya dapat memahami hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas.

Melalui penggunaan algorithm SmartPLS, hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar telah dijalankan. Seterusnya untuk

menguji tahap signifikan, t-statistik untuk semua hubungan telah dihasilkan dengan menggunakan fungsi Smart PLS *boot straping*. Berdasarkan hasil keputusan t-statistik, setiap tahap signifikan ditentukan seperti yang telah ditunjukkan pada jadual 4.7. Jadual 4.7 telah menyenaraikan *path coefficient*, t-statistik dan tahap signifikan bagi semua hipotesis. Seterusnya, pengujian hipotesis dibincangkan pada sub topik berikutnya.

Jadual 4.7

Path coefficient, t-statistik dan tahap signifikan bagi semua hipotesis.

Pemboleh ubah Bersandar	Pemboleh ubah Bebas	Path Coefficient	T-statistik	Tahap Signifikan
Niat berkongsi maklumat R² = 0.467	KD	0.259	2.071	0.01
	TB	-0.054	0.570	T.S
	SS	0.308	2.323	0.01
	PS	0.320	1.918	0.05

4.5 Hasil Keputusan Hipotesis

Bagi mengesahkan hipotesis yang dicadangkan, *path coefficient* antara dua pemboleh ubah telah dikaji. Berdasarkan kajian sebelum ini, *path coefficient* perlu sekurang-kurangnya 0.1 bagi mengesahkan kesan kepada model kajian (Hair et al., 2011; Wetzels et al., 2009). Hasil kajian bagi *path coefficient* (rujuk jadual 4.8) telah menunjukkan bahawa kesemua hipotesis adalah disokong kecuali hipotesis H2. Daripada analisis tersebut, hipotesis yang disokong adalah signifikan sekurang-kurangnya pada 0.05, mempunyai jangkakan tanda arah nilai positif dan mempunyai nilai *path coefficient* (β) di antara 0.259 ke 0.320.

Jadual 4.8

Hasil keputusan hipotesis

	Hipotesis	Keputusan
H1	Niat perkongsian maklumat adalah dipengaruhi secara positif oleh efikasi sendiri.	Disokong
H2	Niat perkongsian maklumat adalah dipengaruhi secara positif oleh resiprokal.	Tidak disokong
H3	Niat perkongsian maklumat adalah dipengaruhi secara positif oleh sokongan sosial.	Disokong
H4	Niat perkongsian maklumat adalah dipengaruhi secara positif oleh pengiktirafan sosial.	Disokong

Berdasarkan analisis, niat berkongsi maklumat dipengaruhi oleh efikasi sendiri ($\beta=0.259$, $t=2.071$, $p<0.01$), oleh itu hipotesis H1 adalah disokong. Seterusnya sokongan sosial adalah ($\beta=0.308$, $t=2.323$, $p<0.01$), oleh itu hipotesis H3 juga adalah disokong. Kemudian pengiktirafan sosial ($\beta=0.320$, $t=1.918$, $p<0.005$) turut menunjukkan bahawa hipotesis H4 juga adalah disokong. Namun begitu berdasarkan analisis, resiprokal ($\beta=0.054$, $t=0.570$, tidak signifikan) adalah didapati tidak signifikan untuk niat berkongsi maklumat. Oleh itu hipotesis H2 adalah tidak disokong. Berdasarkan analisis dapatan kajian ini, faktor efikasi sendiri, sokongan sosial dan pengiktirafan sosial mempengaruhi niat perkongsian maklumat. Walau bagaimanapun faktor resiprokal tidak mempengaruhi niat perkongsian maklumat secara signifikan.

4.6 Kesimpulan Bab Empat

Pada bab ini, hasil keputusan demografik telah dibincangkan. Seramai 176 orang responden yang telah terlibat dengan soal selidik, namun begitu hanya 68 borang

soal selidik sahaja dapat digunakan. Seterusnya, SmartPLS telah digunakan untuk menganalisis model pengukuran dan model berstruktur. Hasil menunjukkan bahawa terdapat tiga hipotesis yang disokong manakala hanya satu hipotesis yang tidak disokong. Bab seterusnya akan membincangkan berkenaan kesimpulan dan perbincangan.



BAB LIMA

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pengenalan

Bagi perbincangan, bab ini akan membincangkan berkenaan hasil kajian. Perbincangan hasil kajian dibincang berdasarkan persoalan kajian yang telah dibentangkan pada bab pertama. Kemudian, bab ini akan membincangkan sumbangan kajian secara teori dan praktikal. Seterusnya, bab ini akan menjelaskan berkenaan kelemahan bagi kajian ini dan seterusnya memberi cadangan untuk kajian lanjutan. Bab ini akan diakhiri dengan ringkasan bab.

5.2 Perbincangan Hasil Kajian

Bagi sub topik ini, perbincangan mengenai hasil kajian dilakukan berasaskan kepada persoalan kajian yang dinyatakan di dalam bab pertama.

Persoalan kajian 1: Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir?

Hasil daripada analisis yang dijalankan, niat perkongsian maklumat dipengaruhi oleh efikasi sendiri, resiprokal, sokongan sosial dan pengiktirafan sosial. Hasil kajian mendapati faktor yang mempunyai pengaruh paling kuat ke atas niat perkongsian maklumat adalah pengiktirafan sosial ($\beta=0.320$). Ini diikuti oleh sokongan sosial ($\beta=0.308$), efikasi sendiri ($\beta=0.259$) dan resiprokal ($\beta=-0.054$). Walau bagaimanapun daripada empat faktor yang dicadangkan, faktor resiprokal didapati tidak mempengaruhi niat perkongsian maklumat mangsa banjir.

Persoalan kajian 2: Sejauh manakah faktor-faktor yang dikenal pasti mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir?

Bagi kajian ini efikasi sendiri telah dikenal pasti mempunyai pengaruh positif dalam mempengaruhi niat mangsa banjir untuk berkongsi maklumat ($\beta=0.259$, $p<0.01$). Bagi konteks kajian ini, efikasi sendiri merujuk kepada kepercayaan dan keupayaan individu yang mempunyai niat efikasi sendiri yang tinggi akan berkongsi maklumat kepada pihak yang terlibat dengan bencana banjir. Hasil dari analisis data mendapati bahawa efikasi sendiri ini telah memberi pengaruh yang positif dalam mempengaruhi niat perkongsian mangsa banjir. Hasil kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian lampau yang mengkaji niat perkongsian maklumat di pelbagai bidang (Bock & Kim, 2002; Kankanhalli et al., 2005; Hsu et al., 2007; Papadopoulus et al., 2013). Contohnya, Kankanhalli et al. (2005) membincangkan bahawa efikasi sendiri ini memberi pengaruh positif, dalam berkongsi maklumat melalui penggunaan *Electronic Knowledge Repositories* (EKRs). Kajian ini menjelaskan bahawa apabila individu yakin untuk berkongsi maklumat yang berguna di dalam sesebuah organisasi, individu tersebut akan bermotivasi untuk menyumbang maklumat kepada EKRs. Oleh itu, secara ringkasnya individu yang mempunyai tahap efikasi sendiri akan lebih cenderung untuk berkongsi maklumat dengan individu lain semasa berlaku bencana banjir.

Seterusnya, faktor kedua iaitu sokongan sosial turut dikenal pasti memberi pengaruh positif dalam mempengaruhi niat mangsa banjir untuk berkongsi maklumat (0.308, $p<0.01$). Bagi konteks kajian ini, sokongan sosial merujuk kepada sebuah

perkongsian maklumat di kalangan individu yang dilihat dapat membantu dalam mengurangkan rasa tidak pasti dengan maklumat yang mereka ada sewaktu bencana. Hasil dari keputusan analisis mendapati bahawa sokongan sosial ini telah memberi pengaruh yang positif dalam mempengaruhi niat perkongsian mangsa banjir. Hasil kajian ini adalah selari dengan dapatan literatur yang mengkaji niat perkongsian maklumat di pelbagai bidang (Eastin & LaRose, 2005; Lin, 2007; Walther & Boyd, 2002). Contohnya kajian Lin (2007) yang mengkaji berkenaan penggunaan sokongan sosial di dalam komuniti atas talian. Hasil kajian menunjukkan bahawa individu yang berkongsi maklumat di dalam komuniti atas talian ini mendapat sokongan sosial yang positif setanding dengan perkongsian maklumat secara bersemuka. Oleh itu, secara ringkasnya, melalui sokongan sosial individu akan lebih cenderung untuk berkongsi maklumat dengan individu lain semasa berlaku bencana banjir.

Hasil dari analisis yang telah dijalankan juga mendapati bahawa pengiktirafan sosial turut memberi pengaruh positif dalam mempengaruhi niat mangsa banjir untuk berkongsi maklumat ($\beta=0.320$, $p<0.005$). Bagi konteks kajian ini, pengiktirafan sosial merujuk kepada penghargaan terhadap usaha dan bantuan yang telah diberikan oleh seseorang individu kepada individu yang lain sewaktu berlaku bencana. Hasil dari analisis data mendapati bahawa pengiktirafan sosial ini telah memberi pengaruh yang positif dalam mempengaruhi niat perkongsian mangsa banjir. Hasil kajian ini adalah sejajar dengan dapatan kajian lampau yang mengkaji niat perkongsian maklumat di pelbagai bidang (Bagozzi & Dholakia, 2006; Fuller, Jaweck & Muhlbacher, 2007; Muniz & Schau, 2005; Papadopoulus et al., 2013). Contohnya kajian oleh Papadopoulus et al. (2013) membincangkan bahawa pengiktirafan sosial

memberi pengaruh kepada berlakunya perkongsian maklumat di dalam penggunaan weblogs. Oleh itu, secara ringkasnya, melalui pengiktirafan sosial ini, individu akan lebih cenderung untuk berkongsi maklumat dengan individu lain semasa berlaku bencana banjir.

Namun begitu, hubungan antara niat perkongsian berkongsi maklumat dan resiprokal ($\beta=-0.054$, t.s) adalah tidak signifikan. Kajian dari Wasiko dan Faraj (2005) mendapati dalam konteks hubungan komuniti, konsep resiprokal tidak hanya melibatkan hubungan dua pihak sahaja tetapi ianya juga turut melibatkan pihak ketiga (Ekeh, 1974) iaitu individu lain dalam komuniti tersebut. Ini bermaksud bagi aktiviti perkongsian maklumat dalam sesebuah hubungan komuniti, pemberi maklumat tidak menjangka bahawa penerima maklumat akan turut berkongsi maklumat kembali kepadanya, tetapi pemberi maklumat percaya terdapat pihak lain yang akan berkongsi maklumat kepadanya. Begitu juga apabila berlaku banjir di Malaysia, dalam hubungan komuniti mangsa banjir; sekiranya mangsa banjir memberi maklumat kepada seorang individu, mangsa banjir ini percaya bahawa terdapat pihak lain yang akan berkongsi maklumat kepadanya.

Selain itu, pandangan dari kajian ini menyatakan bahawa resiprokal ini lebih sesuai digunakan di peringkat organisasi. Ini berdasarkan dapatan kajian yang menunjukkan resiprokal telah memberi pengaruh yang positif kepada para pekerja untuk berkongsi maklumat (Bock et al., 2005; Chennamaneni, Teng & Raja, 2012; Hung, Durcikovab, Laia & Lin, 2011; Lin, 2007; Tohidinia & Mosakhani, 2010). Contohnya, sorotan kajian mendapati bahawa melalui resiprokal ini, para pekerja akan saling mendapat manfaat dan seterusnya bermotivasi untuk berkejasama dalam

tempoh jangka masa yang panjang (Bock et al., 2005; Kankanhalli et al., 2005). Selain itu kajian Chennamaneni et al. (2012) menyatakan bahawa resiprokal adalah pendorong utama kepada pekerja untuk berkongsi maklumat. Oleh itu, kajian berpendapat bahawa faktor resiprokal ini lebih mendorong niat perkongsian maklumat para pekerja di organisasi berbanding mangsa banjir itu sendiri.

Persoalan kajian 3: Apakah jenis maklumat yang dikongsi oleh mangsa semasa bencana banjir?

Seperti yang telah dibincangkan pada dapatan kajian, sorotan kajian mendapati pelbagai jenis maklumat yang telah dikongsi ketika berlaku bencana. Hasil dari analisis soal selidik menunjukkan sebanyak 31.48 peratus responden berkongsi maklumat berkenaan pusat pemindahan. Manakala maklumat lokasi/tempat perlindungan dan maklumat keselamatan/perindungan diri masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 29.63 peratus dan 21.29 peratus. Seterusnya maklumat keperluan asas adalah sebanyak 12.97 peratus dan 4.63 peratus pula adalah maklumat berkaitan bantuan kesihatan/perubatan. Akhir sekali tiada sebarang nilai peratusan yang mencatatkan berkenaan maklumat bantuan kaunseling.

Sorotan literatur telah mendapati bantuan kaunseling ini berlaku di kalangan mangsa bencana dan juga berlaku di antara mangsa dan agensi (Dyegrov, 1989; Roy et al., 2005). Namun begitu, keputusan kajian mendapati bahawa maklumat bantuan kaunseling tidak mendapat perhatian dari pihak mangsa banjir untuk berkongsi maklumat.

Bagi konteks bantuan kaunseling di kalangan mangsa banjir, kajian ini berpendapat bahawa semasa berlaku bencana, mangsa lebih berminat untuk berkongsi maklumat yang menjurus kepada maklumat berkaitan fizikal berbanding emosi. Bagi mangsa-mangsa ini apabila berlaku bencana, antara perkara penting yang perlu dilakukan adalah menyelamatkan diri dan harta benda mereka. Ini adalah berdasarkan dapatan hasil keputusan di mana peratusan tertinggi menunjukkan bahawa maklumat keperluan asas (cth., makanan dan pakaian), pusat pemindahan (cth., dewan dan khemah) dan juga bantuan kesihatan (cth., ambulans dan ubat-ubatan) adalah antara maklumat berbentuk fizikal yang diperlukan. Selain itu juga, kajian ini percaya apabila keperluan maklumat berkaitan fizikal ini dapat dipenuhi, secara tidak langsung keperluan emosi mangsa bencana juga dapat dipenuhi.

Bagi konteks bantuan kaunseling di antara mangsa dan agensi pula, didapati terdapat pelbagai pihak yang membantu dalam khidmat kaunseling seperti sukarelawan, NGO dan agensi kerajaan. Menurut pandangan kajian ini, khidmat bantuan kaunseling ini tidak menarik minat mangsa kerana mangsa tidak yakin dengan keupayaan kaunselor yang ditugaskan. Ini mungkin disebabkan sukarelawan yang dilantik tidak mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang psikologi. Oleh itu bagi menarik keyakinan mangsa untuk mendapatkan khidmat kaunseling, pihak yang bertanggungjawab dalam khidmat kaunseling harus melantik kaunselor yang mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang psikologi.

Namun, sekiranya ingin menggunakan khidmat sukarelawan, pihak yang berkaitan perlu mengadakan kursus kepada para sukarelawan ini bagi mendalami pengetahuan dalam bidang psikologi agar khidmat yang diberikan dapat memberi keyakinan

dalam berkongsi maklumat serta bimbingan kepada mangsa dan seterusnya memenuhi keperluan emosi para mangsa.

Selain itu juga, bilangan kaunselor yang bertugas juga mestilah bersesuaian dengan jumlah mangsa agar khidmat kaunseling yang diperlukan mangsa adalah mencukupi setiap masa. Malahan, kaunselor yang ditugaskan untuk memberi khidmat kaunseling juga perlulah kaunselor tetap dan sentiasa bersiap sedia dalam memberi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada mangsa banjir. Melalui beberapa kaedah ini akan dapat meningkatkan lagi tahap keyakinan mangsa bencana untuk mendapatkan khidmat kaunseling yang telah disediakan oleh agensi bertanggungjawab. Hasil perbincangan ini adalah sejajar dengan dapatan kajian lampau yang mengkaji berkenaan perkongsian maklumat bantuan kaunseling di pelbagai bidang (Asalal & Wahab, 2013; Yahaya & Kiaw Geok, 2003; Yahaya et al., 2010).

5.3 Sumbangan Secara Teori

Kajian ini memberi sumbangan dalam memahami faktor-faktor yang mempengaruhi niat perkongsian maklumat semasa berlaku bencana. Melalui sorotan kajian lampau, ianya telah mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi niat perkongsian maklumat semasa banjir. Berasaskan kepada Teori kognitif sosial, kajian ini mendapati niat perkongsian maklumat dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti efikasi sendiri, resiprokal, sokongan sosial dan pengiktirafan sosial.

Sumbangan kedua kajian ini adalah untuk melanjutkan penggunaan Teori kognitif sosial ke dalam konteks perkongsian maklumat semasa berlaku bencana. Melalui

sorotan kajian, didapati kebanyakan kajian lampau telah memberi tumpuan kepada pelbagai bidang seperti pendidikan, kesihatan dan perniagaan (Bock & Kim, 2002; Kankanhalli et al., 2005; Lever-Landis et al., 2003). Hasil sorotan literatur mendapati masih terdapat kurang kajian yang menggunakan teori ini dalam menjelaskan faktor penentu niat perkongsian maklumat di dalam konteks pengurusan bencana. Oleh itu, kajian ini telah membantu melanjutkan penggunaan teori ini di dalam bidang pengurusan bencana dan usaha ini dapat membantu menguji keteguhan teori ini.

Akhir sekali, kajian ini juga ingin mengkaji niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir di Malaysia. Dari sorotan kajian, didapati kebanyakan kajian di Malaysia kurang memberi fokus kepada memahami niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir (Said et al., 2013; Sarji et al., 2014; Chen & Sakamoto, 2014). Oleh itu, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan mengkaji faktor niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir di Malaysia.

5.4 Sumbangan Secara Praktikal

Hasil kajian ini dapat memberi beberapa sumbangan kepada agensi-agensi yang bertanggungjawab (cth., Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan JKM) dalam menguruskan bencana. Melalui kajian ini, ianya dapat memberi beberapa cadangan dalam mengenal pasti kaedah-kaedah untuk meningkatkan niat perkongsian maklumat di kalangan masyarakat dan mangsa banjir.

Dalam usaha meningkatkan niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir, pihak agensi bertanggungjawab boleh:

1) Mengadakan ceramah secara berkala. Program ceramah ini perlu diperbanyak kerana ianya dapat memberi pelbagai maklumat tambahan yang baru kepada masyarakat dan mangsa bencana. Contoh ceramah-ceramah yang boleh diadakan seperti kaedah asas pertolongan cemas; persediaan menghadapi bencana; dan panduan menghadapi bencana. Melalui maklumat yang diperoleh sewaktu menghadiri ceramah ini dapat meningkatkan lagi keyakinan diri masyarakat/mangsa bencana dalam berkongsi maklumat apabila berlaku bencana. Ringkasnya, melalui program sebegini akan dapat memupuk masyarakat dan generasi muda kepada aktiviti perkongsian maklumat semasa bencana.

2) Kerajaan perlu mengadakan kempen dalam memberi galakkan kepada masyarakat untuk turut serta dalam membantu mangsa apabila berlaku sesuatu bencana. Melalui bantuan yang diberikan oleh masyarakat dalam bentuk motivasi dan kata-kata perangsang kepada mangsa ini dapat mewujudkan sokongan sosial dalam mengurangkan rasa tekanan kepada mangsa. Tambahan itu juga, melalui perkongsian maklumat masyarakat dapat membantu dalam proses menyalurkan bantuan berupa makanan, pakaian dan bantuan kewangan kepada mangsa yang sepatutnya. Selain itu juga, melalui wujudnya sukarelawan seperti orang perseorangan, persatuan-persatuan, rakan COP dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) ini dapat mempertingkatkan lagi proses pengurusan bencana. Oleh itu, kerajaan haruslah memainkan peranan dalam memberi pengiktirafan kepada kesemua sukarelawan/mangsa bencana ini di atas segala usaha serta

perkongsian maklumat yang telah diberikan. Ini adalah penting kerana sukarelawan/mangsa bencana ini akan menganggap ianya sebagai sebuah penghormatan di atas segala penat lelah yang telah diberikan semasa menguruskan bencana ini.

- 3) Kajian ini dapat dijadikan panduan kepada agensi bertanggungjawab dalam mengenal pasti apakah jenis maklumat yang dikongsi oleh mangsa bencana. Melalui maklumat yang telah dikenal pasti ini, kajian ini memberi cadangan kepada agensi bertanggungjawab untuk mengumpul segala maklumat yang dikongsi oleh mangsa bencana. Proses pengumpulan maklumat ini dapat disimpan dan direkodkan ke dalam pelbagai bentuk seperti dokumen, audio dan video. Melalui maklumat yang direkod ini dapat dijadikan sebagai sebuah pangkalan data di mana ianya dapat membantu agensi bertanggungjawab untuk menguruskan maklumat bencana dengan lebih berkesan. Melalui wujudnya pangkalan data ini juga, pihak bertanggungjawab dapat mengetahui keperluan sebenar mangsa-mangsa bencana dan seterusnya tindakan menyelamatkan serta bantuan bencana dapat dijalankan.

- 4) Selain itu, dengan mengetahui jenis maklumat yang dikongsi mangsa bencana ini juga; kajian ini dapat dijadikan panduan dalam memberi cadangan kepada agensi bertanggungjawab bagi membangunkan sebuah rangka kerja pengurusan maklumat. Melalui rangka kerja pengurusan maklumat ini, segala jenis maklumat yang dikongsi oleh mangsa bencana akan dikumpul, dikenal pasti dan diurus bagi membantu proses membuat

keputusan dalam menangani situasi bencana. Antara kelebihan wujudnya rangka kerja pengurusan maklumat ini, ianya dapat membantu agensi bertanggungjawab dalam mengenal pasti apakah keperluan mangsa bencana, keadaan situasi bencana, membantu dalam proses membuat keputusan dan juga cadangan penambahbaikan pengurusan bencana.

5.5 Limitasi dan Cadangan Lanjutan Kajian

Sub topik ini akan membincangkan berkenaan limitasi yang terdapat dalam kajian ini. Berdasarkan perbincangan, cadangan untuk penambahbaikan bagi kajian lanjutan akan dibincangkan.

Pertama, kajian ini mendapati bahawa resiprokal tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat perkongsian maklumat. Kajian ini telah melihat konsep resiprokal ini hanya antara dua pihak sahaja iaitu pemberi maklumat dan penerima maklumat. Oleh itu, kajian lanjutan digalakkan untuk mengkaji konsep resiprokal ini secara lebih terbuka, iaitu tidak terhad kepada dua individu sahaja tetapi resiprokal yang melibatkan pihak ketiga/individu lain.

Kedua, kaedah pengumpulan data bagi kajian ini hanya di tumpukan pada satu kawasan banjir sahaja iaitu Rantau Panjang, Kelantan. Selain itu juga, pengumpulan data turut dilakukan di kawasan luar bandar. Perbezaan bagi hasil keputusan analisis mungkin akan berlaku jika sampel dilakukan di beberapa kawasan lain yang terlibat dengan banjir serta dilakukan di kawasan bandar. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan untuk mengumpul data di beberapa kawasan banjir serta di kawasan

bandar dan lakukan perbandingan dengan hasil penyelidikan yang diperoleh oleh kajian ini.

5.6 Rumusan Kajian


Kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji berkenaan faktor niat perkongsian maklumat di kalangan mangsa banjir. Bagi mencapai objektif kajian ini, soal selidik telah dilakukan kepada mangsa-mangsa banjir untuk melihat sejauh mana faktor-faktor yang telah dikenal pasti mempengaruhi niat perkongsian maklumat ke atas mangsa-mangsa banjir ini.

Kajian ini telah melihat dari pelbagai sorotan kajian dan juga telah melakukan pemeriksaan yang teliti dalam mengenal pasti teori yang sesuai untuk digunakan dalam mengkaji faktor penentu niat perkongsian maklumat. Berdasarkan tinjauan, tiga persoalan kajian diperoleh, empat hipotesis telah dikenal pasti dan model kajian telah dibangunkan.

Berdasarkan hasil keputusan analisis, didapati niat perkongsian mangsa banjir adalah dipengaruhi secara positif oleh tiga faktor iaitu efikasi sendiri, sokongan sosial dan pengiktirafan sosial. Manakala terdapat satu faktor yang tidak mempengaruhi niat perkongsian maklumat mangsa banjir iaitu resiprokal.

Kajian ini telah melihat sumbangan dari segi teori dan praktikal. Dari segi teori kajian ini menyumbang dalam memberi kefahaman berkenaan faktor-faktor yang mempengaruhi niat perkongsian maklumat semasa berlaku bencana. Di samping itu juga, kajian ini mendapati bahawa masih kurang kajian yang menggunakan Teori

